


Jilid I
Bil. 76



Hari Rabu
26hb Oktober, 1983

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10837]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 10879]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 10880]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- ” Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- ” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- ” Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.J.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG, *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S (Sarikie).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan
Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG
BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POP
SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam)
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON Tanjong).
- „ DATO LEE BON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LIANG SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

- Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara)
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KHEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 26hb Oktober, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANELAUN RUMAH PEGAWAI-
PEGAWAI KERAJAAN

1. **Dr George Chan Hong Nam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi elaun rumah bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Penguasa-penguasa Tempatan dan badan-badan berkanun dalam Kumpulan A (Tingkatan biasa), B, C, dan D, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, soalan mengenai bayaran elaun perumahan kepada pegawai Kerajaan yang belum menerimanya sebenarnya telah banyak kali ditimbulkan dalam Dewan ini dan juga dalam Dewan Negara.

Saya ingin menegaskan semula bahawa kedudukannya masih lagi tidak berubah dan keputusannya adalah sama oleh kerana tanggungaji yang telah diluluskan di dalam sektor awam telah pun mengambil kira perbelanjaan bagi tempat kediaman yang biasanya terkandung di dalam pendapatan seseorang pekerja sektor awam iaitu pekerja-pekerja di dalam per-

khidmatan Kerajaan, badan-badan berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan. Maka dengan itu Kerajaan tidak bercadang untuk membayar elaun perumahan berasingan kecuali kepada golongan pegawai-pegawai yang layak diberi perumahan yang percuma mengikut skim perkhidmatan mereka seperti pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera, Perkhidmatan Pasukan Polis, Perkhidmatan Penjara, Perkhidmatan Bomba, apabila tiada tempat tinggal dapat diberikan kepada mereka.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan elaun sewa rumah kepada kakitangan Kerajaan Kumpulan A, B, C, D—A Timescale dan Senior Timescale, dengan izin. Jadi memandangkan kepada keadaan kadar sewa rumah yang tinggi di mana jua dalam negara kita ini dan ianya sudah tentu terlalu menyulitkan dari segi pembayaran sewa rumah itu bagi pekerja-pekerja dalam Kumpulan C dan D terutamanya, tidakkah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan Elaun Khidmat Awam bagi pekerja-pekerja kumpulan ini agar dapat membantu mereka mengurangkan lagi beban yang ditanggung oleh pekerja-pekerja kumpulan ini.

Dan yang keduanya, minta Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan apakah sebabnya kakitangan dari Kumpulan A, Tingkatan Tertinggi G hingga kepada

Tingkatan Tertinggi A diberikan elaun sewa rumah sedangkan kakitangan Kerajaan Kumpulan A Tingkatan Kanan, Tingkatan Biasa, pekerja-pekerja Kumpulan B, C dan D tidak diberikan elaun sewa rumah, sedangkan keperluan rumah sebagai tempat perlindungan bagi kakitangan Kerajaan ini adalah sama.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan yang pertama, Kerajaan tidak bercadang hendak menambahkan elaun yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan soalan yang kedua pula, memanglah kita ada rancangan iaitu satu peraturan bahawasanya pegawai-pegawai tinggi yang difikirkan perlu oleh Kerajaan menyediakan kediaman untuk mereka oleh sebab kepentingan-kepentingan pekerjaan mereka itu, maka jika sekiranya rumah-rumah itu tidak dapat disediakan oleh Kerajaan tentulah dan semestinya Kerajaan memberi elaun rumah kepada mereka.

LUBNAN—CAMPURTANGAN

2. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam soal campurtangan asing di Negara Lubnan.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang Dipertua, keadaan di Lubnan itu adalah ekoran daripada dasar Israel yang hendak memperkembangkan negaranya meliputi kepada tempat-tempat yang ditentukannya. Oleh sebab yang demikian, maka keadaan di Palestin itu kacau dan wujudlah satu keadaan pelarian daripada Palestin ke Lubnan. Apabila wujud keadaan pelarian Palestin di Lubnan, maka di Lubnan itu timbullah pula satu gerakan iaitu apa yang dikata PLO untuk

memperjuangkan untung nasib orang-orang Palestin. Dengan adanya PLO ini Israel melanggar Lubnan, oleh sebab dengan adanya kemungkinan pelanggaran Israel ini, maka Lubnan mengajak Syria masuk mempertahankan negaranya dengan cara halal. Inilah kejadian yang bangkit pada waktu ini, iaitu dengan pelanggaran dibuat pada Lubnan dan berkecuklah di Lubnan sehingga menyebabkan masuk pula askar Amerika dan lain-lain untuk meleraikan Israel dengan Syria.

Tuan Yang Dipertua, kita sangat mengalu-alukan adanya hasrat untuk mengencat senjata dari semua pihak yang berkenaan, tetapi malangnya perkara ini belum lagi dapat disempurnakan kerana tidak dapat menentukan di mana hendak berjumpa, hendak bertemu, hendak berapat.

Yang sebenarnya usaha Malaysia di dalam hal ini iaitu kita tahu kalau sekiranya ini adalah ekoran daripada problem Israel dan Palestin, maka ubatnya di Lubnan itu adalah di Palestin bukan di Lubnan kerana selagi ada problem Palestin, maka problem Lubnan tidak dapat diubat.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan apakah kemungkinan-kemungkinan masa depan Palestin dalam menghadapi masalah mereka sendiri, apakah perkara-perkara ini dapat selesai sekiranya tidak wujud campurtangan daripada kuasa-kuasa besar

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang Dipertua, tidak berapa lama dahulu kita mengusahakan bahawa kita mesti membuat satu formula iaitu konflik di antara Arab dengan Israel hendaklah diselesaikan dengan cara menyelesaikan soal Palestin dan formula ini telah dibawa dari Kuala

Lumpur ke Geneva dan pada masa ini adalah di atas meja United Nations untuk diperbincangkan dengan harapan bahawa formula ini kalau dapat betul-betul dilakukan maka kuasa besar yang dua iaitu USA dan USSR yang semestinya bertanggungjawab dalam hal ini akan membawa kepada penyelesaian soal Palestin dan mewujudkan satu negara Palestin yang bebas.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir).

PETRONAS—KESELAMATAN DI PELANTAR MINYAK

4. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan mengapa setakat ini tidak ada apa-apa peraturan untuk menjamin keselamatan nyawa dan pelantar-pelantar minyak dalam pengeluaran minyak di laut jauh, dan mengapakah perakuan-perakuan untuk mengadakan peraturan-peraturan seumpama itu yang disyorkan oleh perunding-perunding PETRONAS ditolak meskipun bayaran yang tinggi telah ditanggung untuk perkhidmatan seumpama itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa tidak ada peraturan-peraturan keselamatan untuk menjamin keselamatan nyawa dan pelantar-pelantar minyak yang mengeluarkan minyak luar pantai Malaysia. Walaupun pada ketika ini kita tidak ada undang-undang bagi pengurusan keselamatan luar pantai, PETRONAS sentiasa memastikan bahawa semua kontraktor-kontraktor perkongsian pengeluarannya mematuhi peraturan-peraturan keselamatan antarabangsa seperti yang dikeluarkan oleh Institut

Petroleum Amerika Syarikat, Peraturan-peraturan Coast Guards Amerika Syarikat, Institut Petroleum United Kingdom dan Peraturan-peraturan luar pantai Norway.

Peraturan-peraturan ini meliputi bidang penggerudian, pengeluaran minyak, operasi minyak, pekerjaan dan pengawalan kebakaran.

Rekod keselamatan di Malaysia adalah salah satu yang terbaik di dunia dan Ahli Yang Berhormat tentunya akan berbangga mengetahui bahawa PETRONAS telah dianugerahkan "Sword of Honours" oleh Majlis Keselamatan United Kingdom pada 19hb Oktober, 1983.

Walaupun taraf keselamatan yang tinggi telah dicapai PETRONAS telah mendapat seorang perunding keselamatan bagi mengkaji dan memperbaiki hal keselamatan di mana yang perlu dan jika ada yang perlu.

Adalah tidak benar yang pihak PETRONAS menolak syor-syor perunding tersebut. Bagi memastikan syor-syor tersebut selaras dengan peraturan-peraturan dan amalan-amalan sekarang, syor-syor tersebut telah dimajukan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan berkenaan untuk dipertimbangkan sebelum undang-undang yang sesuai dikeluarkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri sebentar tadi telah menjelaskan langkah-langkah yang diambil untuk menjaga keselamatan nyawa dari segi safety measures, dengan izin. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kepada Dewan ini apakah langkah-langkah dari segi keselamatan dalam ertikata sekuriti untuk mengawal sekuriti keselamatan daripada serangan-serangan lanun dan juga

serangan-serangan daripada negara-negara yang mungkin berniat jahat terhadap keselamatan telaga-telaga minyak yang ada sekarang dan sama ada langkah-langkah yang ada itu cukup atau akan ditambah pada masa hadapan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, peraturan-peraturan antarabangsa itu banyak yang menyentuh juga kepada perkara-perkara ini yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kita di Malaysia memang sentiasa memastikan pihak PETRONAS sentiasa memastikan, yang semua pelantar di luar pantai laut kita ada perhubungan yang rapat dengan pihak-pihak keselamatan di negara ini termasuklah perhubungan terus ataupun access direct line, dengan izin, dengan pihak-pihak keselamatan di negara kita, sentiasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, bukannya benar bahawa pekerja-pekerja di platform-platform minyak off-shore sangat tidak puashati dengan keadaan keselamatan mereka dan adalah di bulan Jun di mana seorang pekerja yang mati oleh kerana kecederaan akibat kebakaran apabila beliau bekerja dengan blow torch dan bekerja di tempat keluar minyak dan apabila ada letupan tidak ada inter-job communication, dengan izin, dalam satu platform yang begitu kecil dan bukannya benar lagi ada berlaku di mana ada tiga letupan di Platform Tapis B dan tidak ada seorang technician medic yang memainkan peranan doktor off-shore dan ini satu perkara yang sangat merbahaya dan tadi Yang Berhormat Menteri kata menafikan tidak ada peraturan-peraturan.

Sekarang sahalah peraturan-peraturan yang ada kuasa undang-undang, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Petroleum (PETRONAS), kenapa lain-lain

negara ada peraturan-peraturan untuk menjaga keselamatan khasnya pekerja-pekerja di installation-installation off-shore tetapi di Malaysia tidak ada, barulah mengikut peraturan-peraturan American Petroleum Institute dan lain-lain yang semua sahaja menjadi panduan moral dan PETRONAS pun tidak ada orang-orang yang pakar yang boleh menentukan bahawa installation off-shore ada mengikut panduan-panduan itu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar yang di pelantar-pelantar kita di luar laut tidak ada langkah-langkah keselamatan yang diambil. Saya telah pun menerangkan tadi ini ada dan sebarang kejadian yang tidak diinginkan, sekiranya pun ada berlaku, memanglah tidak disengajakan dan semua kelengkapan-kelengkapan keselamatan memang ada di situ untuk menampung sesuatu kejadian yang mungkin berlaku yang tidak diinginkan.

Yang kedua, peraturan-peraturan sedang dipertimbangkan saya kata tadi dan apabila didapati mana-mana peraturan-peraturan yang sesuai untuk digubal dan digunakan akan dirumuskan ini. Pada ketika ini Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk melihat syor-syor ini dan juga untuk melihat undang-undang petroleum yang ada pada ketika ini sama ada perlu ditambah lagi ataupun diubahsuaikan.

FELDA—PENDAPATAN BERSIH PENEROKA

5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah purata pendapatan bersih peneroka-peneroka FELDA pada masa ini. Adakah benar FELDA telah membuat kajian semula

yang menyeluruh terhadap unsur-unsur kos pembangunan rancangan-rancangan FELDA yang terkena ditanggung oleh peneroka-peneroka. Jika benar, setakat manakah dan bagaimanakah kajian ini memberi faedah kepada peneroka-peneroka termasuk meringankan beban bayaran balik hutang mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin):

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan peneroka FELDA pada satu bulan adalah berbeza dan ini bergantung kepada jumlah pengeluaran hasil tanaman ladang dan paras harga yang diperolehi pada tiap-tiap bulan. Purata pendapatan peneroka yang diperolehi, iaitu bagi hasil bulan Ogos yang dibayar pada akhir bulan September adalah sebanyak \$585 bagi rancangan getah dan \$1,040 bagi rancangan sawit. Purata pendapatan yang diperolehi sekarang ini adalah telah meningkat berbanding dengan bulan-bulan sebelum di mana sepanjang tahun 1983 sehingga bulan Ogos, purata pendapatan bersih peneroka adalah \$444 bagi rancangan getah dan \$511 bagi rancangan sawit.

Berhubung dengan kajian semula yang menyeluruh terhadap unsur-unsur kos pembangunan rancangan FELDA yang ditanggung oleh peneroka, bahawa pada masa ini kajian tersebut sedang dijalankan. Untuk makluman selanjutnya, unsur bayaran yang terkena ditanggung oleh peneroka ialah bayaran kembali kos pembangunan, bayaran cukai tahunan tanah dan potongan-potongan bagi kegiatan untuk menyelenggarakan ladang, seperti kos penggunaan baja, pengangkutan hasil, kegiatan sosio ekonomi peneroka dan hutang-hutang persendirian peneroka, seperti perbelanjaan kedai dan pinjaman hari raya.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan potongan yang dikenakan ke atas pendapatan peneroka FELDA, kajian mengenai perkara ini sedang dijalankan. Bagaimanapun setakat ini potongan-potongan yang telah dikurangkan ialah potongan kos penggunaan baja yang dipotong untuk kegiatan kemajuan rancangan JKRR. Melalui potongan ke atas kos penggunaan baja, kadar potongan telah dikurangkan daripada \$19 seekar sebulan kepada \$13 seekar sebulan untuk rancangan sawit dan untuk rancangan getah, kadar potongan dikurangkan sedikit sahaja, iaitu daripada \$4.60 seekar sebulan kepada \$4.50 seekar sebulan. Manakala untuk potongan ke atas kegiatan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan atau lebih dikenali sebagai JKRR pula telah dikurangkan daripada \$18 sebulan sepeneroka kepada \$5 sebulan sepeneroka.

Seperti yang telah dijelaskan awal-awal tadi kajian semula mengenai unsur-unsur bayaran kembali dan potongan-potongan daripada pendapatan peneroka sedang dijalankan dan di mana sesuai pengurangan atau pengubahsuaian akan dilaksanakan bagi tujuan meringankan beban tanggungan peneroka dan menambah pendapatan bersih yang akan diterima oleh mereka.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan pendapatan peneroka-peneroka FELDA berbeza di antara satu bulan ke satu bulan yang lain, adakah FELDA bercadang untuk menyelaraskan pendapatan peneroka-peneroka FELDA itu pada setiap bulan dengan menyimpan daripada jumlah pendapatan yang lebih daripada bulan-bulan yang baik pendapatan mereka itu disimpan dan diberikan kepada peneroka-peneroka itu semasa pendapatan mereka

berkurangan, misalnya pada masa-masa bulan tengkujuh, bulan November, Disember dan sebagainya?

Selain daripada itu, adakah juga FELDA bercadang untuk, bukan memaksa tetapi macam 'forced saving' \$1 ataupun \$2 pada tiap-tiap famili pada satu bulan dengan menggunakan simpanan ini untuk melabur dalam Amanah Saham ataupun dalam syarikat-syarikat swasta dan sebagainya?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, cadangan daripada Yang Berhormat itu adalah baik, tetapi macam kata orang tua-tua: hajat hati hendak peluk gunung, apakan daya tangan tak sampai. Kalau kita meletakkan syarat kepada peneroka, para peneroka akan tidak bersetuju. Walau bagaimanapun, kita sedang berusaha untuk menjalankan idea yang baik ini supaya ketika harga pengeluaran mereka itu mendapat pendapatan yang baik peneroka akan mengadakan satu sistem simpanan, tetapi sehingga ini hanya satu cadangan daripada peneroka kawasan Pahang yang telah menyarankan perkara yang sama seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi.

Bersabit dengan simpanan yang telah disarankan itu, pada hari ini peneroka-peneroka di FELDA telah pun mengadakan beberapa rancangan simpanan termasuk penyertaan pembelian dalam Amanah Saham dan caruman saham di dalam Koperasi Peneroka FELDA di seluruh Malaysia.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa pendapatan bagi atau peneroka-peneroka FELDA ini berbeza, tetapi sebagai contoh telah diterangkan pada bulan Ogos \$585 bagi getah dan \$1,040 sebulan bagi kelapa

sawit. Saya ingin mendapat penjelasan bahawa setelah dipotong kos-kos pembangunan dan kos pengangkutan dan sebagainya, berapakah sebenarnya baki yang masih diperolehi cara tunai oleh peneroka-peneroka ini?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, oleh sebab pendapatan dan hasil pengeluaran bagi tiap-tiap satu kawasan perancangan ini berbeza-beza, maka sudah tentulah baki tunai yang boleh dibawa balik oleh peneroka yang berkenaan juga berbeza-beza. Saya telah menerangkan tadi bahawa terdapat perbezaan purata pendapatan keseluruhannya yang dibawa balik oleh peneroka, iaitu bagi rancangan getah sebanyak \$440 dan bagi rancangan kelapa sawit sebanyak \$511. \$511 ini setelah potongan-potongan dibuat, termasuk beberapa potongan keperluan dalam sosio ekonomi peneroka sendiri. Walau bagaimanapun, kemungkinan tidak ada peneroka dapat membawa balik seluruh \$511 oleh sebab mereka berbelanja terlalu besar. Tetapi bagi peneroka-peneroka yang belum mendapat pembahagian lot masing-masing, pihak FELDA telah menetapkan satu syarat, iaitu pendapatan tetap bulanan mereka. Bagi rancangan getah mereka akan ditetapkan untuk mendapat pendapatan bulanan sebanyak \$250 sebulan dan bagi rancangan kelapa sawit sebanyak \$350 sebulan. Pendapatan-pendapatan ini ialah hasil daripada usaha mereka yang kawasan mereka belum dipecah ataupun dibahagi mengikut lot masing-masing.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah bantahan peneroka-peneroka terhadap rancangan hendak menanam semula kerana hendak menukar getah dengan kelapa sawit di beberapa rancangan FELDA, ada hubungannya dengan soal peserta-peserta

menanggung hutang dengan FELDA? Saya hendak mendapat tahu juga berhubung dengan ini, berapakah rancangan-rancangan FELDA yang mendapat bantahan yang hendak tanam semula daripada getah ke kelapa sawit serta apakah sebab-sebab sebenarnya bantahan ini? Adakah kerana peneroka kurang faham faedah tanaman kelapa sawit yang lebih baik daripada getah dari segi hasil ataupun ada hasutan-hasutan daripada pihak-pihak tertentu di luar daripada rancangan FELDA sendiri?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, soalan ini sebenarnya kurang berkait dengan soalan asal, tetapi saya cuba menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tentang usaha tanam semula rancangan-rancangan FELDA daripada getah ke kelapa sawit ataupun kemungkinan daripada kelapa sawit ke getah. Sehingga ini tidak ada bantahan secara rasmi, tetapi terdapat 3 rancangan; 1 di Terengganu, 1 di Johor dan 1 di Kedah untuk kita tanam semula daripada getah kepada satu jenis tanaman, sama ada kelapa sawit ataupun getah. Dasar kita ialah berbincang dahulu dengan peneroka di kawasan yang berkenaan sama ada mereka mahu meneruskan menanam getah ataupun mereka mahu mengubahsuaikan daripada tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit dan kita memberi nasihat kepada mereka berasaskan daripada penyesuaian tanah dan banyak penurunan hujan di kawasan yang berkenaan untuk diseimbangkan dengan jenis tanaman yang akan ditanam.

Pada keseluruhannya ketiga-tiga rancangan ini kita telah bersetuju berbincang dengan peneroka dan kita akan mengambil keputusan apa yang akan dibuat oleh peneroka sendiri, sama ada kita akan meneruskan tanaman getah ataupun kita akan ubahsuai daripada tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit.

Kita sangat berhajat bagi kawasan yang ada banyak hujan, kita akan ubah daripada getah kepada kelapa sawit kerana kalau kawasan banyak hujan, Tuan Yang Dipertua, kemungkinan masa untuk menoreh itu terlalu sedikit dan seperti di kawasan Pantai Timur terdapat hujan lebat dalam bulan-bulan Oktober, November dan Disember di mana kemungkinan 3 bulan ini peneroka tidak akan mendapat hasil daripada penorehan mereka.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi beberapa angka mengenai pendapatan kasar dan juga pendapatan bersih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah sebabnya terdapat satu perbezaan yang agak besar di antara pendapatan kasar iaitu kalau kita membandingkan peneroka kelapa sawit dengan peneroka getah iaitu lebih daripada \$1,000 berbanding dengan \$580 manakala perbezaan dari segi pendapatan bersih itu tidak jauh berbeza. Apakah sebabnya?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, perbezaan yang pertama sekali ialah tentang harga barang-barang pengeluaran di kawasan-kawasan yang berkenaan kalau dibandingkan harga getah dengan harga kelapa sawit dan daripada segi pembangunan terhadap kawasan getah dengan pembangunan kepada rancangan kelapa sawit adalah juga berbeza, sebab itulah terdapat perbezaan yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 24 (2), saya pohon izin bertanya soalan yang ke 6.

Tuan Yang Dipertua: 24?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: 24 (2).

Tuan Yang Dipertua: Ada pindaan kepada peraturan itu. Dia ada sebut, apabila semua pertanyaan-pertanyaan yang lain untuk hari itu telah diselesaikan. Minta pinda Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

(Soalan No. 6 Y.B. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed tidak hadir).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ting Ling Kiew.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Ting Ling Kiew tidak hadir).

JAWATAN PAKAR PERUBATAN— KEKOSONGAN

8. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jawatan-jawatan doktor kepakaran yang dapat diisikan dari Jadual Kementerian beliau, sehingga 31hb Ogos, 1983. Apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan kegagalan atau kejayaan Kerajaan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang Dipertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sehingga 31-8-1983 sebanyak 148 jawatan daripada 268 jawatan Pakar Perubatan meliputi 24 disiplin dari Tingkatan Tertinggi 'G' hingga Tingkatan Tertinggi 'B' telah diisi. Sebelum akhir tahun ini sebanyak 8 jawatan Pakar Perubatan Tingkatan

Tertinggi 'G' dari beberapa disiplin akan juga dapat diisi oleh pegawai yang baru diwartakan sebagai Pakar Klinikel dan layak dinaikkan pangkat.

Tuan Yang Dipertua, faktor utama yang menyebabkan kekosongan itu berlaku ialah kerana ketiadaan Pegawai-pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat yang berkelayakan untuk diperakukan. Keadaan ini timbul berpunca dari dua sebab:

- (a) Kekurangan minat di kalangan Pegawai-pegawai Perubatan untuk mengisi jawatan Pendaftar seperti dalam Disiplin-disiplin Bius (Anaesthesia), X'ray, Sakit Jiwa, Radiotherapi dan Bedah Kanak-kanak.
- (b) Tiada atau kurangnya pemohon-pemohon untuk Hadiah Latihan Persekutuan dalam Disiplin-disiplin seperti Neurosurgery, Uratsaraf, Bedah Plastik, Urologi dan Bius (Anaesthesia). Sebagai contoh 12.5% memohon untuk kursus Perubatan Umum manakala cuma 1.25% untuk kursus Neurosurgery.

Tuan Yang Dipertua, perletakan jawatan khasnya di kalangan Pakar-pakar Klinikel juga merupakan salah satu sebab kekosongan itu dan dalam tahun 1982, 12 orang Pakar Klinikel yang berkelayakan untuk dinaikkan pangkat ke Tingkatan Tertinggi 'G' telah meletakkan jawatan. Walaupun begitu, seramai 40 Pakar Klinikel lain telah dinaikkan pangkat ke Tingkatan Tertinggi 'G' dalam tahun 1982.

Tuan Yang Dipertua, bagi menampung keperluan perkhidmatan, tugas-tugas jawatan yang kosong itu telah diisi oleh Pegawai-pegawai Pakar kontrak ataupun melalui penanggungan kerja atau aturan ganti tugas oleh Pakar-pakar Perubatan dalam disiplin yang berkenaan.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa masih ada lagi Pakar-pakar Klinikel yang layak dinaikkan pangkat yang belum lagi dinaikkan pangkat dan saya ingin tahu kenapa tidak?

Yang kedua, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan apakah langkah-langkah yang diambil dan akan diambil bagi menggalakkan Pakar-pakar Perubatan terus berkhidmat di dalam Perkhidmatan Kerajaan dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan bahawa taraf perkhidmatan yang diberikan oleh doktor pakar ini dapat dikekalkan walaupun terdapat kekurangan pakar-pakar tersebut?

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat yang berkenaan, terdapat 13 orang Pakar Klinikel di bidang perubatan umum yang layak untuk kenaikan pangkat tetapi belum dinaikkan pangkat. Sementara itu, 10 orang Pakar Klinikel dalam beberapa bidang yang dipinjamkan ke Universiti Kebangsaan Malaysia layak untuk kenaikan pangkat tetapi belum dinaikkan pangkat.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan soalan yang kedua kenapa mereka tidak dinaikkan pangkat, pada masa ini di bidang Pakar Perubatan Umum hanya ada 2 jawatan Tingkatan Tertinggi 'G' yang masih kosong sedangkan pegawai yang layak seramai 13 orang. Walaupun begitu tindakan akan diambil untuk mengisi jawatan yang kosong itu dengan dinaikkan pangkat 2 orang pegawai yang layak dari 13 orang pegawai itu.

Bagi Pakar-pakar Klinikel yang dipinjamkan ke Universiti Kebangsaan Malaysia, mengikut amalan biasa mereka akan dinaikkan pangkat bila pegawai-pegawai yang berkhidmat di Kementerian yang sedang memangku hendak disahkan kenaikan pangkat mereka.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, boleh saya minta Yang Berhormat ulang?

Tuan Yang Dipertua: Macam mana hendak buat bagi pakar-pakar itu terus berkhidmat.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Gaji lebih!

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian saya telah pun mengambil beberapa langkah-langkah untuk mengelakkan doktor-doktor pakar meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

Doktor-doktor yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan telah disahkan dalam jawatan akan dinaikkan pangkat secara otomatis ke peringkat Tingkatan Kanan.

Langkah yang kedua, Kerajaan menyediakan peluang-peluang melanjutkan pelajaran dengan mengadakan biasiswa untuk mereka yang berminat di bidang-bidang kepakaran juga. Dan juga peluang cuti tanpa gaji bagi mereka yang tidak memperolehi biasiswa.

Langkah yang ketiga, Tuan Yang Dipertua, menambah dan menaikkan taraf beberapa jawatan pegawai pakar dan dengan ini akan menambahkan peluang-peluang kenaikan pangkat dan yang keempat Kerajaan telah meninggikan dan juga menaikkan kadar-kadar elaun kepakaran kepada pegawai-pegawai pakar.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun adalah dimaklumkan bahawa walaupun berbagai cara dibuat untuk mengekalkan pegawai-pegawai pakar berkhidmat dengan Kerajaan, namun mereka tetap akan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dengan beberapa alasan peribadi.

Tuan Yang Dipertua, kita tidak mengalami kekurangan doktor-doktor pakar dalam disiplin-disiplin asas seperti perubatan, pembedahan, perbidanan dan sakit puan. Dalam disiplin-disiplin di mana wujudnya kekurangan yang relative seperti telinga, hidung dan tekak, pathology atau kaji penyakit bius dan lain-lain taraf perkhidmatan dalam disiplin-disiplin ini dikekalkan dengan cara berikut:

1. Pakar-pakar perunding yang berkenaan membuat lawatan yang tetap ke hospital-hospital untuk mengadakan kelinik.
2. Kes-kes yang tidak dapat diatasi di kelinik tersebut dirujuk ke hospital-hospital di mana pakar-pakar berkenaan bertugas untuk rawatan selanjutnya.
3. Semasa lawatan pakar-pakar perunding ke hospital-hospital tersebut mereka juga dapat menyumbangkan pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai-pegawai perubatan di disiplin-disiplin yang berkenaan.
4. Dan yang akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, dengan adanya sistem rujukan ini di mana hospital-hospital kecil merujuk ke hospital-hospital besar maka keperluan pesakit-pesakit untuk mendapat rawatan kepakaran tidak di tolak jika mereka memerlukannya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan menerangkan doktor pakar dari negara asing dan tempatan di Malaysia? Dan apakah jenis kekosongan jawatan doktor pakar tersebut yang masih belum diisi? Dan sejauh manakah kekurangan tersebut menjejaskan kesihatan rakyat?

Tuan Yeoh Poh San: Minta Yang Berhormat ulang, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Saya ingat jawapan telah diberi tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, tadi sebelum soalan tambahan Yang Berhormat dari Sandakan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada memberi satu jawapan yang begitu panjang lebar. Dan nampaknya pun sudah siap sebelum soalan tambahan ada dibuat (*Ketawa*). Lama-lama sudah siap, bolehkah kita dapat satu salinan itu untuk bacaan kita?

Tuan Yang Dipertua: Soalnya tidak bersangkut.

Wan Nohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan dengan kekurangan doktor pakar di hospital-hospital Kerajaan ini, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mendapatkan kepakaran ini daripada doktor-doktor swasta atau doktor-doktor private sekiranya berlaku sesuatu kes yang memerlukan rawatan kepakaran dengan menggunakan bayaran-bayaran yang berpatutan.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat yang berkenaan, Kementerian saya pada ketika ini telah berdialog dengan MMA untuk

mengadakan satu sistem dimana pakar-pakar doktor swasta dapat menggunakan facility-facility yang ada di hospital Kerajaan.

MAJLIS PRIVY— MENIMBANGKAN RAYUAN

9. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri memberitahu Dewan ini sebab-sebab dijangka tiada perlu mengadakan satu sistem tiga peringkat apabila menimbang perkara menghapuskan dengan penuh rayuan-rayuan ke Majlis Privy.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, sejajar dengan penggantian Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy, oleh Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah terakhir dan muktamad dalam kes-kes jenayah dan perlembagaan, Kerajaan telah mengambil tindakan dalam mesyuarat Parlimen yang lalu untuk mengekalkan Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah terakhir dan muktamad dalam kes-kes civil juga.

Perkara sama ada perlu atau tidak mengadakan sistem rayuan tiga peringkat telah dikaji sedalam-dalamnya sebelum itu. Adalah di dapati wajar dan memadai untuk menjadikan Mahkamah Persekutuan sebagai Mahkamah terakhir dan muktamad dalam semua kes tanpa mengadakan sebuah mahkamah yang lebih tinggi tarafnya daripada Mahkamah Persekutuan, ataupun yang terletak di antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan.

Sebab utama sistem rayuan tiga peringkat tidak perlu diadakan ialah kerana kebolehan yang ditunjukkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam mengendalikan perkara-perkara perlembagaan dan jenayah telah meyakinkan kepercayaan penuh

terhadap keupayaan mengendalikan kes-kes yang ada kaitan dengan Undang-undang Civil dengan adil dan berkesan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, selepas Lord President Tun Suffian bersara, beliau ada berkata bahawa satu peringkat lagi rayuan akan diadakan untuk menggantikan Privy Council. Adakah keputusan pihak Kerajaan tidak mahu lagi satu peringkat ketiga untuk rayuan mahkamah dibuat selepas perbincangan dengan Bar Council dan Majlis Peguam dan dengan Kehakiman atau dibuat tanpa perbincangan dengan Kehakiman dan Majlis Peguam.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapat yang telah dikemukakan oleh bekas Lord Presiden Mahkamah persekutuan diambil kira apabila perkara ini dikaji dengan sedalam-dalamnya dan pendapat-pendapat daripada semua pihak juga diambil kira walaupun perjumpaan tidak diadakan di antara Kerajaan dengan Majlis Peguam.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Memandangkan keputusan untuk memansuhkan rayuan-rayuan menerusi Majlis Privy sama ada Kerajaan bercadang untuk melebihi bilangan hakim-hakim untuk menghakamkan perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah Federal dan sama ada Kerajaan bercadang antara anggota ASEAN membentuk Mahkamah Rayuan ASEAN?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, selepas Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di tandatangani dan rayuan kepada Privy Council dalam kes-kes civil dihapuskan dan Mahkamah Persekutuan akan menjadi Mahkamah yang terakhir dan muktamad, Hakim-

hakim yang ada sekarang akan menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan itu, jadi soalan tambahan Hakim tidaklah timbul.

Soalan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu Mahkamah Rayuan bagi kawasan ASEAN ini tidak bersangkut dengan soalan asal.

INDUSTRI PEMBINAAN KAPAL—KEMAJUAN

10. Datuk Jamaludin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pergagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana kemajuan yang dicapai oleh negara kita dalam bidang industri membuat kapal-kapal; berapa banyak kapal dapat dibuat setahun; berapa ton berat muatannya yang paling besar telah dapat dibuat; nyatakan bilangan yang digunakan dalam negeri dan yang dieksport.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Pada ketika ini terdapat sejumlah 14 buah syarikat telah dilesenkan di bawah Akta Peyelarasan Perindustrian, 1975 untuk menjalankan aktiviti pembinaan dan pembaikan kapal serta bot.

Di antara jumlah tersebut 2 buah syarikat belum beroperasi, manakala syarikat-syarikat yang mempunyai limbungan kapal terbesar ialah Malaysia Shipyard and Engineering Sdn. Bhd. (Johor), Penang ship building Corporation Sdn. Bhd (Pulau Pinang), Hong Leong Lurssen Shipyard Bhd. (Pulau Pinang), Ironwoods Shipyards Sdn. Bhd. (Sarawak) dan Sabah Shipbuilding, Repairing and Engineering Sdn. Bhd. (Sabah). Aktiviti pembinaan oleh limbungan-limbungan ini adalah meliputi pembinaan kapal dan bot termasuk 'vessels', storage tanks, coastal freighters, naval vessels, small craft of steel construction, small and medium size craft of fibre glass construction dan lain-lain termasuk juga aktiviti pembaikan kapal.

Industri pembinaan kapal di negara ini masih belum mencapai paras kemajuan yang setanding dengan negara-negara seperti Sweden, Jepun atau Korea Selatan. Industri ini memerlukan pakar-pakar yang berkemahiran dan mempunyai pengetahuan teknikal yang tinggi terutamanya dalam bidang kejuruteraan merin serta rekabentuk pembinaan kapal.

Kepakaran ini diperolehi melalui bantuan di bawah perjanjian-perjanjian teknikal antara limbungan tempatan dengan syarikat-syarikat asing. Bantuan ini meliputi latihan pekerja-pekerja tempatan di luar negeri serta penyediaan rekabentuk, pembelian alat-alat kelengkapan yang sesuai dan penyediaan rajah-rajah kapal.

Kebanyakan limbungan kapal tempatan mempunyai keupayaan membina kapal-kapal berkapasiti 200 dwt. (dead weight ton) ke bawah, melainkan limbungan-limbungan terbesar seperti Malaysia Shipyard and Engineering Sdn. Bhd., Hong Leong Lurssen Shipyard Bhd., Penang Shipbuilding corporation Sdn. Bhd. dan Sabah Shipbuilding, repairing and Engineering Sdn Bhd. berkeupayaan membina kapal-kapal sehingga 10,000 dwt.

Memandangkan kepada jangkamasa yang diperlukan bagi membina sesebuah kapal adalah berbeza dan ianya bergantung rapat ke atas rekabentuk, spesifikasi serta jenis-jenis kerja pemasangan alat kelengkapan, penentuan keupayaan pengeluaran tahunan adalah sukar ditetapkan. Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran kapal daripada limbungan-limbungan tempatan ialah 55 buah bagi tiga tahun yang lepas, di mana pengeluaran tersebut adalah berdasarkan kepada tempahan dalam negeri.

Kapal yang terbesar pernah dibina setakat ini ialah 'log carrier' mempunyai berat 8,000 dwt: dibina oleh Sabah Shipbuilding Repairing and Engineering Sdn. Bhd.

Mengenai pasarannya pula, hampir keseluruhan kapal-kapal dan bot yang dibina digunakan di dalam negeri untuk tujuan pengangkutan barang-barang dan penumpang, menangkap ikan, persiaran, bersukan dan untuk kawalan keselamatan perairan (bot peronda laju). Tidak ada pengeksportan kapal-kapal yang dibina oleh limbungan tempatan. Sungguhpun Jabatan Perangkaan mencatatkan jumlah eksport kapal/bot pada tahun 1982 sebanyak 125 buah dengan nilai \$4,905,757 tetapi ianya merupakan eksport semula kapal-kapal terpakai yang terdahulunya diimport untuk kegunaan dalam negeri.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dengan perindustrian kapal yang disebutkan tadi berapakah yang mendapat local content—apakah peratus local content untuk perindustrian tersebut?

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan local content tidak ada analisis berkenaan boat dibuat di semua shipbuilding yard.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membangunkan industri pembinaan kapal yang sedia ada di Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang yang sedia ada itu sebagai Pusat Pembinaan Kapal di negara ini, jika tidak apakah sebabnya potensi yang ditawarkan oleh Pulau Pinang tidak diambilkira?

Tuan Oo Gin Sun: Berkenaan dengan Pulau Pinang sebagai ibupejabat pembinaan kapal/bot itu, saya ingat Kementerian ini belum

menyiasat kemudahan-kemudahan berkenaan di Pulau Pinang untuk menjadi satu port yang besar.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir)

KEMELESETAN EKONOMI NEGARA—PEMULIHAN

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam usaha mengatasi kemelesetan ekonomi negara. Sila butirkan satu dua contoh dan hingga sekarang ini ditahap manakah kejayaan itu. Bilakah kemelesetan itu akan dipulihkan semula.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah mula beransur-ansur pulih pada tahun ini. Pemulihan ini adalah didorongkan oleh permintaan luar negeri dan peningkatan pengeluaran sektor petroleum dan gas serta sektor perkilangan. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi pada tahun ini dijangka meningkat kepada 5.6% berbanding dengan 3.9% yang diramalkan dalam Belanjawan-belanjawan Tahun 1983 dan 5.2% pada tahun 1982. Eksport Malaysia telah juga meningkat dengan lebih pesat pada kadar tahunan sebanyak 12.6% dalam tujuh bulan pertama tahun (1983) ini bernilai \$17,725 juta. Pertumbuhan import barangan sebaliknya telah berkurangan sebanyak 5.9% bernilai \$17,363 juta dalam tujuh bulan pertama tahun 1983. Ini selaras dengan adanya usaha Kerajaan mengurangkan perbelanjaan pembangunan terutamanya pembelian bahan-bahan yang diimport. Oleh demikian, Malaysia telah dapat mencatatkan lebihan imbalan perdagangan sebanyak \$362 juta dalam tujuh bulan pertama tahun ini berbanding dengan kekurangan sebanyak \$311.1 juta dalam 3 bulan pertama tahun 1983 ini.

Di samping itu pula keadaan inflasi juga sudah bertambah baik. Dalam 7 bulan pertama tahun ini, kenaikan harga barang-barang adalah hanya 3.9% sahaja berbanding dengan 6.3% dalam jangkamasa yang sama dalam tahun 1982. Pada keseluruhannya, pada tahun ini inflasi dijangka di peringkat kadar 4%.

Apa yang saya nyatakan tadi adalah beberapa contoh yang menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia telah beransur pulih secara perlahan-lahan. Pemulihan ekonomi negara belum lagi ketara kerana ekonomi negara-negara maju, negara-negara perindustrian belum lagi dapat mengatasi masalah-masalah kurangan belanjawan mereka serta mengurangkan kadar faedah dan pengangguran yang masih tinggi yang mana boleh menyekat perkembangan ekonomi dan perdagangan dunia hari ini.

Pemulihan ekonomi dunia yang sedang berjalan dengan baiknyanya sekarang bergantung kepada kebolehan dan keazaman negara-negara maju bagi meneruskan dasar-dasar yang sesuai bagi menentukan pemulihan ini dapat dikekalkan bukan sahaja bagi tahun ini dan tahun hadapan tetapi juga untuk jangka masa yang agak sederhana panjangnya.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat seterusnya mahukan keterangan yang lanjut saya cadangkan pula kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bacalah Laporan Ekonomi 1983-84 yang telah pun dibentangkan di dalam Dewan ini pada 21hb Oktober yang lalu dan juga ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sewaktu membentangkan Belanjawan pada hari yang sama.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa semua langkah-langkah yang diambil untuk

mengatasi kemelesetan ekonomi negara kita, sangat mustahak bahawa kita memastikan tindakan-tindakan tersebut tidak mengancam atau merosakkan masa hadapan ekonomi kita khasnya dari segi pinjaman-pinjaman di luar negeri oleh kerana baru-baru ini ada sebuah majalah antarabangsa "Asian Finance" yang berkata bahawa Malaysia adalah dalam satu keadaan, dengan izin, "borrowing-spree" di seluruh dunia dan pertama kali dapat pinjaman Euro-Dollar dan bukankah ini sangat mustahak bahawa dalam rangka usaha untuk mengatasi kemelesetan ekonomi bahawa kita tidak ambil tindakan-tindakan yang boleh merosakkan masa hadapan ekonomi kita.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa kita semua sedar keadaan ekonomi yang meleset ini timbulnya dari keadaan, strukturnya sendiri, maka itulah usaha-usaha sedang diambil, usaha-usaha sedang dibuat supaya perbelanjaan-perbelanjaan dikurangkan. Ini telah dinyatakan dengan terangnya di dalam Belanjawan seperti saya nyatakan tadi.

Berhubung dengan jumlah pinjaman yang dibuat, ini juga telah saya terangkan pada minggu yang lepas sewaktu menjawab satu soalan yang lain bahawa walaupun jumlah pinjaman sebenarnya telah bertambah sedikit jumlah pinjaman tetapi pinjaman-pinjaman yang dibuat itu adalah di dalam keupayaan negara kita membayar kepada mereka yang meminjamkan wang itu kepada kita. Soalnya, barangkali 2-3 tahun yang baharu ini pinjaman kita ataupun kadar tambahan pinjaman itu telah bertambah lebih banyak sedikit daripada kadar tambahan pinjaman pada tahun-tahun sebelumnya, tetapi ini tidak bererti bahawa pinjaman kita sekarang ini melebihi hak, ataupun kita meminjam sehingga kita tidak

berupaya dapat membayar, sebab kalau sekiranya kita tidak berupaya membayar maka sudah tentulah orang-orang yang ingin ataupun cenderung meminjamkan kepada kita, tidak akan meminjamkan kepada kita. Sebaliknya kalau kita hendak membuat pinjaman, wang itu senang diperolehi, wang itu senang didapati malah pada kebiasaannya, dengan izin, over-subscribed yang pada pendapat Kementerian Kewangan ini menunjukkan bahawa keupayaan kita membayar dan jumlah yang kita pinjam itu masih lagi di dalam keadaan yang menasabah.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, soalan penghabisan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Salah satu daripada punca kemelesetan ekonomi Malaysia ialah oleh kerana adanya satu keadaan, dengan izin, balance of payment yang tidak begitu baik kepada Malaysia sejak akhir-akhir ini dan menyebabkan kurangnya import eksport bahan-bahan mentah kita. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa negara Jepun sejak minggu yang lepas telah pun mengumumkan pemotongan tarif ataupun penghapusan tarif kepada 40 jenis bahan-bahan mentah, kemasukan bahan-bahan mentah ke negara tersebut dan sama ada langkah ini merupakan satu langkah yang akan disambut baik oleh Malaysia dan apakah kesan langsung daripada penghapusan ini kepada pengeksporan bahan-bahan mentah kita ke Jepun?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan itu tidaklah berkaitan sangat dengan soalan asal. Walau bagaimanapun, oleh kerana ini pertanyaan yang terakhir, saya suka juga memberi penerangan sedikit. Sebagai seorang yang pernah bekerja di Kementerian

Perdagangan dahulu tiap-tiap pengurangan terhadap tarif barang-barang mana-mana negeri sudah tentulah menguntungkan negara-negara yang mengekspor barang-barang berkenaan. Kalau sekiranya barang-barang yang dikurangkan tarif itu adalah barang-barang yang kita eksport maka biasanya eksport kita berkaitan dengan barang berkenaan akan bertambah kerana dibandingkan dengan dahulunya harganya tentulah kurang sedikit. Tetapi berkenaan dengan 44 jenis barang-barang yang dikurangkan oleh Jepun baharu-baharu ini, saya sendiri pun tidak berapa mengikuti sejak berhenti daripada Kementerian Perdagangan.

Tuan Yang Dipertua: Baiklah. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 6, 7, 11, 13 hingga 18 adalah diberi di bawah ini.)

PROJEK KENDERAAN PERDAGANGAN MALAYSIA

3. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Jepun baru-baru ini. Apakah keputusan telah dibuat mengenai projek kenderaan perdagangan Malaysia yang sedang dirancangan itu.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Shafie): Saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 1-12-83 yang mana soalan itu adalah sama atau bertujuan sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kinta ini.

Secara am, lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Jepun telah berjaya meningkatkan sefahaman bersama dalam pendirian dan sikap

masing-masing mengenai perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama isu-isu serantau dan antarabangsa, meluaskan peluang kerjasama dalam bidang-bidang ekonomi dan teknik dan menyumbang dengan positif ke arah mengukuh bagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Jepun.

Dalam lawatan tersebut YAB Timbalan Perdana Menteri telah juga mengadakan beberapa pertemuan dengan tokoh-tokoh beberapa syarikat yang berkenaan dan berminat lagi membincangkan projek kenderaan perdagangan Malaysia.

Hasil daripada pertemuan ini masih dalam kajian dan pertimbangan kerajaan dan oleh itu masih awal lagi untuk kerajaan memberi keputusan muktamad mengenainya.

BAHAN-BAHAN KELUARAN TEMPATAN—PENGGUNAAN

6. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kempen besaran seperti 'Kepimpinan Melalui Tauadan' supaya rakyat Malaysia mengutamakan dan menggunakan bahan-bahan keluaran tempatan seperti makanan, pakaian, kenderaan, keperluan harian dan sebagainya, sebagai langkah mengembangkan industri dalam negeri serta mengurangkan import dan membaiki Imbangan Pembayaran.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan serta meningkatkan lagi penggunaan keluaran-keluaran tempatan sama ada oleh Kerajaan sendiri ataupun oleh para pengguna keseluruhannya. Dasar

ini adalah dilaksanakan melalui beberapa langkah seperti penubuhan perusahaan-perusahaan gantian import, struktur duti import yang memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan serta sistem tender Kerajaan yang mengutamakan bekalan-bekalan tempatan. Sementara itu permohonan pengecualian cukai-cukai Kastam oleh para pengilang tempatan terhadap keperluan bahan mentah, komponen dan alat jentera mereka hanya dipertimbangkan sekiranya bahan-bahan ini tidak terdapat dari punca-punca tempatan. Pertubuhan-pertubuhan swasta seperti Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia sentiasa mengadakan pameran untuk memperkenalkan keluaran mereka kepada pengguna-pengguna tempatan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik sekiranya difikirkan sesuai, Kerajaan bersedia menimbangkan kempen untuk menggalakkan penggunaan bahan serta keluaran tempatan.

JALAN RAYA DI SARAWAK

7. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kerjaraya menyatakan bolehkah Kerajaan Pusat menentukan bahawa beberapa batang jalan di Negeri Sarawak dibina dengan secepat mungkin, memandangkan betapa pentingnya kemudahan-kemudahan jalan raya diluaskan kepada semua kawasan di seluruh Negeri Sarawak.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Adalah menjadi hasrat Kerajaan Pusat untuk mengadakan rangkaian jalan raya yang lengkap di seluruh negara. Di Negeri Sarawak, dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat sentiasa memastikan supaya pembinaan jalan-jalan raya di Negeri Sarawak itu diperluaskan, terutama sekali jalan raya yang

menghubungi kawasan-kawasan luar bandar dengan kawasan-kawasan yang sudah membangun. Akan tetapi pelaksanaan projek-projek jalan raya ini terpaksa diuruskan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan yang dapat disediakan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kedua sahaja, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan wang sebanyak \$129 juta bagi membina jalan raya sepanjang 777 km, dan peruntukan ini telah ditambah kepada \$292 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk pembinaan sepanjang 1,000 km jalan raya. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula, sebanyak \$291 juta telah diperuntukkan untuk membina sepanjang lebih kurang 763 km jalan raya.

BERNAMA SEBAGAI PENGEDAR BERITA

11. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula rancangannya untuk membenarkan Bernama menguasai seluruh berita-berita asing pada tahun depan dan kemudiannya baru disalurkan kepada surat-surat khabar tempatan, dan sama ada beliau bersetuju sistem yang ujud sekarang di mana surat-surat khabar tempatan menerima berita-berita asing melalui cara masing-masing adalah lebih berdekatan dengan semangat perlembagaan terhadap kebebasan melaporkan berita.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Saya telah menjelaskan dengan panjang lebar di sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang lalu sebab-sebab Kerajaan mengambil keputusan bahawa mulai 1hb Mei, 1984 Bernama

sahajalah yang akan mengedar berita dan perkhidmatan lain dari semua agensi berita asing. Keputusan ini diambil setelah dibuat kajian teliti dan menimbangankan semua faktor dan pandangan dari segenap sudut.

Perlantikan Bernama sebagai pengedar tunggal berita dari agensi-agensi berita antarabangsa bukanlah bertujuan untuk mengawal berita. Akhbar-akhbar masih boleh melanggan melalui Bernama dengan sepenuhnya tanpa disunting bagi sebarang perkhidmatan berita dari agensi berita antarabangsa sekiranya mereka hendak berbuat demikian. Soal kebebasan melaporkan berita tidak timbul sama sekali.

PERUMAHAN PEKERJA LADANG OLEH PERMODALAN NASIONAL BERHAD

13. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada ladang-ladang di bawah pemilikan Permodalan Nasional Berhad telah memutuskan untuk menjalankan rancangan perumahan untuk pemilikan pekerja-pekerja yang disetujukan oleh Syarikat-syarikat ladang Sime Darby, Guthries dan Harrison & Crossfield dahulu. Adakah faedah mengembalikan harta-harta ini ke tangan negara kita sendiri akan dinikmati juga oleh pekerja-pekerja ladang melalui rancangan perumahan ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Suka saya menerangkan bahawa hanya syarikat-syarikat Kumpulan Guthries Sendirian Bhd. dan Harrisons Malaysia Plantation Berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad. Kerajaan hanya mempunyai saham equiti di dalam Sime Darby.

Tanggungjawab utama syarikat-syarikat perladangan adalah untuk menentukan yang perumahan dan lain-lain kemudahan yang sempurna diberikan kepada pekerja-pekerja. Ini adalah perlu untuk mengekalkan pekerja-pekerja di ladang-ladang tersebut. Pihak pengurusan syarikat-syarikat perladangan seperti Sime Darby, Guthries dan Harrisons Malaysia Plantations Berhad telah mendapati adalah perlu untuk memperbaiki dan memperbaharui rumah-rumah kediaman pekerja-pekerja sekarang sebelum memikirkan tentang rancangan perumahan untuk pemilikan pekerja-pekerja.

Saya juga ingin maklumkan bahawa Syarikat-syarikat Sime Darby, Guthries dan Harrisons Malaysia Plantation ini adalah syarikat-syarikat milikan atau dikuasai oleh rakyat Malaysia dan sudah tentu pemilik-pemilik saham syarikat-syarikat ini menyedari tentang tanggungjawab sosial mereka. Tanggungjawab ini dapat dilihat dengan adanya program-program yang tertentu untuk memperbaharui dan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan hidup di estet, terutama dari segi rumah-rumah pekerja yang disediakan oleh ladang-ladang tersebut.

PETRONAS—PENDAPATAN JUALAN MINYAK TANAH

14. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pendapatan bersih telah diperolehi oleh PETRONAS bagi tahun yang lepas;
- (b) bagaimana caranya Kerajaan membahagikan faedah bersih itu;

- (c) apakah Kerajaan akan menimbangankan menggaji lebih banyak warganegara dari negeri Sarawak untuk menjawat jawatan pentadbiran dan pengurusan. Berapa peratus orang Sarawak memegang jawatan di bidang tersebut.

Datuk Dr James P. Ongkili:

- (a) Bagi tahun kewangan yang berakhir pada Mac 31, 1983, PETRONAS menerima pendapatan kasar dari penjualan minyak mentah dan gas asli, sebanyak M\$5920 juta. Selepas memotong bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan cukai kastam, pendapatan bersih yang diperolehi oleh PETRONAS ialah M\$3850.7 juta. PETRONAS juga memperolehi pendapatan sebanyak M\$929.3 juta dari sumber-sumber lain terutama sekali dari faedah-faedah yang diterima dari wang-wang yang dilaburkan. Jumlah pendapatan bersih ialah M\$4780 juta. Selepas memotong perbelanjaan pentadbiran dan cukai pendapatan, pendapatan bersih PETRONAS selepas cukai ialah M\$2,535.6 juta.
 - (b) PETRONAS telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat. Ia merupakan salah sebuah syarikat minyak yang membayar cukai-cukai berikut:
 - (i) Cukai pendapatan petroliaam i.e. 45%.
 - (ii) Duti eksport iaitu 25% yang dikenakan ke atas minyak petroliaam mentah yang dieksport.
- Selain daripada itu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada mana minyak mentah dan gas asli itu dikeluarkan menerima bayaran tunai atau royalti masing-masing

sebanyak 5%. Kesemua hasil Persekutuan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan yang kemudiannya dikeluarkan bagi tujuan pengurusan dan pembangunan.

- (c) Di Sarawak PETRONAS sentiasa mengisi jawatan-jawatan dengan anak-anak tempatan jika ada. Di Kuala Lumpur PETRONAS cuba pula memilih orang-orang yang terbaik sekali asalkan mereka warganegara Malaysia. PETRONAS tidak mendiskriminasi seorang warganegara Malaysia dengan warganegara Malaysia lain. Sehingga Jun 1983, 75 peratus dari 52 jawatan-jawatan di Sarawak di bidang pentadbiran dan pengurusan telah diisi oleh rakyat Sarawak.

BIJIH TIMAH—JUALAN HARAM

15. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah keputusan yang telah diambil dalam persidangan ITC di London untuk mengawal penjualan bijih timah yang haram di pasaran London. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan kerjasama dari Kerajaan Negeri Thai dan Singapura untuk mencari satu langkah yang lebih tegas supaya dapat mengawal penjualan haram bijih yang dieskportkan itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Soalan ini telah pun dijawab semasa saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang wakil dari Kota Melaka pada 18-10-1983 di Dewan ini.

JALAN KUCHING/JALAN KEPONG—MEMBAIKI JALAN DAN LONGKANG

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan selain daripada projek memperbaiki longkang berdekatan dengan Bulatan Jalan Kucing/Jalan Kepong dan Projek Jalan bagi Kg Polis Sektor D Pekan Kepong, adakah beliau bercadang untuk melaksanakan satu projek untuk memperbaiki jalan dan longkang di Jinjang Utara khasnya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Selain daripada memperbaiki longkang berdekatan dengan bulatan Jalan Kucing/Jalan Kepong, kerja-kerja pembaikan jalan dan longkang adalah merupakan kerja-kerja penyelenggaraan biasa yang dijalankan dari masa ke semasa, berasaskan kepada adanya peruntukan untuk penyelenggaraan jalan-jalan awam dan perparitan.

Pembinaan sebatang jalan laluan bagi Kampong Polis Sektor D Pekan Kepong (di belakang halaman Balai Polis) yang dicadangkan sebelum ini tidak dapat dijalankan kerana melalui tapak sekolah yang akan dibesarkan.

TERUMBU LAYANG-LAYANG—TUNTUTAN

17. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah banyak negara telah meletakkan tuntutan kepada atoll Terumbu Layang-layang dan apakah langkah-langkah dan rundingan-rundingan telah pun diambil untuk menuntut balik Pulau Kecil Amboyna dan bolehkah beliau menerangkan apakah pendirian sempadan "Limit Malaysia Exclusive Zone" kita sebagaimana diterima oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan Kemasyarakatan Antarabangsa pada amnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya mohon izin untuk maklumkan bahawa soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ini sudah pun saya jawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda pada 18-10-83 kerana ia adalah sama atau bertujuan yang sama.

Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang tersebut.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN—MEMORANDUM KONGRES KEBUDAYAAN CINA

18. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menerima perakuan-perakuan yang terkandung dalam memorandum yang dikemukakan oleh Kongres Kebudayaan Cina yang diadakan pada bulan Mac di Pulau Pinang memandangkan terdapat bantahan-bantahan keras di kalangan kaum Cina mengenai penolakan memorandum tersebut oleh beliau di dalam Parlimen pada 29hb Julai, 1983.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Sebelum saya menjawab soalan ini saya memohon izin untuk menjawab juga soalan-soalan oleh Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 27-10-83, Yang Berhormat dari Bandar Sibul pada 28-10-83. Yang Berhormat dari Jelutong pada 11-11-83 sekaligus oleh kerana semua soalan-soalan tersebut mempunyai persamaan yang berkisar tentang persoalan mengenai isu Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat menyingkap kembali lembaran sejarah, dasar yang ditetapkan pada tahun 1971 itu adalah sebenarnya ekoran dari rumusan Kongres Kebudayaan Melayu 1957.

Kongres Kebudayaan Melayu 1957 merupakan wasiat suci daripada bangsa dan para pejuang di ambang pintu kemerdekaan. Kongres ini telah merangkakan dasar Kebangsaan bagi negara merdeka selepas 31hb Ogos, 1957 yang akan merangkumi warganegara baru yang bukan Melayu.

Konsep yang diajukan itu menegaskan kesinambungan sejarah dan tradisi bangsa pribumi dan di samping itu membukakan diri pula kepada penyerapan tradisi-tradisi imigran yang baru. Konsep ini adalah suatu penjelmaan dari jiwa serta semangat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sendiri. Menerima Raja Melayu sebagai Yang Dipertuan Agong dengan sendirinya menerima kesinambungan sejarah dan tradisi serta juga hak-hak bangsa Melayu sebelumnya. Jadi wadah kebudayaan kebangsaan Malaysia tak mungkin yang lain dari wadah kebudayaan pribumi—ciri-ciri kebudayaan masyarakat bukan pribumi hanyalah sebagai tambahan baru.

Keadaan semasa kemerdekaan ini telah dicerminkan semula pada tahun 1971 dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Perkara ini telah tidak pernah dipersoalkan sehingga akhir-akhir ini.

Semangat tersebutlah yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18hb Disember, 1982:

“Kita semua telah bersetuju, perpaduan dan keutuhan itu akan kita bina dan pupuk melalui satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan—satu kebudayaan, iaitu kebudayaan kebangsaan. Maka Bahasa Kebangsaan diasaskan kepada Bahasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal pribumi Malaysia. Kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-

masing sebagai kebudayaan kesukuan, dalam rangka dan batas-batas tertentu, adalah terjamin dalam Perlembagaan negara kita.

Dengan demikian, persoalan konsep kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi, sama seperti persoalan bahasa kebangsaan juga tidak timbul lagi. Yang menjadi persoalannya hanyalah usaha dan tanggungjawab untuk mengisi konsep ini, bagi kepentingan hidup bersama. Jika kita semua benar-benar inginkan sebuah negara yang aman makmur, dengan kehidupan rakyatnya yang damai serta bahagia, bahasa dan kebudayaan tidaklah seharusnya lagi dijadikan isu politik yang hanya akan menguntungkan golongan yang anti perpaduan dan yang taat setianya boleh diragukan”.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidaklah mengancam sebarang kebudayaan kaum dan sukuan di negara. Tiap kumpulan bebas untuk mengamalkan budaya sukuan (private culture) sendiri seperti juga bahasanya.

Identiti Nasional kita perlulah berbeda dengan identiti negara-negara yang lain; kebudayaan pribumi Melayu adalah satu-satunya yang unik di Malaysia dan di dunia. Oleh itu, ia dengan sendirinya harus dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan. Di samping itu unsur-unsur kebudayaan imigran di Malaysia telah pun dipersetujui untuk diintegrasikan kepada teras yang telah ditetapkan itu, jadi dalam ‘identiti nasional’ kita yang lengkap pasti merangkumi dalam simbol-simbol masyarakat bukan pribumi.

Mengenai soalan daripada YB dari Kuching—seperti yang telah ditegaskan beberapa kali di dalam sidang Parlimen yang lalu bahawa Kerajaan tidak akan menerima sebarang syor atau cadangan daripada mana-mana pihak jua, jika ianya menyentuh soal perombakan Dasar

Kebudayaan Kebangsaan itu. Akan tetapi Kerajaan sentiasa sedia berbincang, berunding dan menerima pandangan-pandangan yang baik mengenai pelaksanaannya. Oleh yang demikian, tidaklah sepatutnya timbul bantahan-bantahan keras daripada mana-mana pihak pun.

Seterusnya mengenai soalan daripada YB Sungai Besi bertarikh 27-10-83, sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa menghormati pandangan dan pemikiran fahaman dan pelaksanaan pembinaan Kebudayaan Kebangsaan, bersandarkan kepada Dasar yang telah ditetapkan. Unsur-unsur yang positif serta nilai-nilai umum bersama adalah menjadi pertimbangan utama dalam proses penerapan.

Soal Agama sudah pun sedia mendapat jaminan dan perlindungan di dalam Perlembagaan Negara. Soal ibadat bagi tiap penganut agama adalah hak individu menurut pegangan agama masing-masing. Islam yang menjadi dasar dalam Kebudayaan Kebangsaan ialah dari segi pembentukan, pengembangan serta penggunaan nilai-nilai yang berkaitan dengan pembinaan keperibadian bangsa dan sosio-budayanya. Nilai-nilai ini telah sedia wujud menjadi amalan hidup yang sesuai dengan ajaran agama-agama lain, seperti berkelakuan baik dan mulia, amanah, kebersihan, kecekapan, berakhlak mulia, bersopan santun, berbudi bahasa dan menjauhkan dari sifat-sifat hidup yang tidak baik.

Bagi menjawab soalan dari Bandar Sibul:

- (a) Kerajaan, khususnya KKBS, memang ada mengundang badan-badan kebudayaan dari setiap suku kaum di Malaysia membuat persembahan atau pertunjukan yang bertaraf kebangsaan dalam fungsi-fungsi rasmi.

(b) Di antara persatuan-persatuan Cina yang terlibat membuat persembahan anjuran KKBS dari tahun 1982 hingga Ogos, 1983 adalah seperti berikut:

- (i) Persatuan Chinghay, Pulau Pinang
- (ii) Kumpulan Lee Lee Lan Ballet

Walau bagaimanapun, Kementerian ini difahamkan bahawa badan-badan penganjur yang lain sama ada di peringkat Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri, sentiasa melibatkan penyertaan semua kaum di negara kita.

Dan akhir sekali mengenai soalan Yang Berhormat dari Jelutong bertarikh 11-11-83 sukalah saya menyatakan bahawa evolusi kebudayaan di Malaysia telah berlaku semenjak ratusan tahun yang lalu iaitu semenjak negara ini menjadi tumpuan dan tempat bermastautin pelbagai kaum pendatang dengan pelbagai budayanya. Evolusinya telah berjalan dengan lancar melalui proses pengenalan, penerimaan dan penyerapan unsur-unsur positif serta nilai-nilai umum yang positif daripada pelbagai budaya itu. Proses yang sama sedang berlaku pada masa ini dan akan terus berlaku di masa-masa yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (25hb Oktober, 1983).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulan wang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (25hb Oktober, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.37 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, kelmarin saya telah menyebutkan Belanjawan 1984 adalah begitu realistik dan wajar kerana ianya digubal untuk mengatasi dua masalah terutama dalam pengurusan kewangan negara iaitu mengurangkan masalah imbalan pembayaran dan menyesuaikan struktur kewangan negara supaya perbelanjaan-perbelanjaan negara seimbang dengan hasil dan pendapatan negara. Ini adalah merupakan pertama kali

Kerajaan telah mengambil kira secara serius tentang arah aliran ekonomi dunia dalam menyediakan Belanjawan 1984 bagi peruntukan secara jangka panjang, tidak seperti di masa-masa yang lepas telah dijalankan dengan secara "counter-cyclical" yang tidak membebankan rakyat tetapi tidak menguntungkan negara. Kerajaan terpaksa bertindak untuk mengurangkan belanjawan negara dengan secara berhati-hati dan penuh penelitian agar tidak menjejaskan rancangan sosio-ekonomi negara yang menyentuh kepentingan rakyat miskin.

Tuan Yang Dipertua, dalam negara yang sedang membangun ke arah perindustrian ini, kita memerlukan lebih ramai juruteknik dan tenaga mahir untuk menyokong pembangunan industri negara kita. Oleh itu Sekolah-sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan juga Politeknik adalah sangat diperlukan bagi memenuhi dasar Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan di dalam industri berat sekarang ini. Maka peruntukan \$60 juta itu adalah tidak mencukupi untuk 35 buah Sekolah Menengah Vokasional, 9 buah Sekolah Menengah Teknik dan juga 4 buah Sekolah Politeknik berbanding dengan \$440 juta hanya untuk 6 buah universiti sahaja. Kita perlu menambah Sekolah-sekolah Menengah Teknik ataupun Politeknik untuk membekalkan juruteknik-juruteknik daripada membina ataupun menambahkan universiti-universiti yang hanya akan membekal dan menambahkan pengangguran di kalangan pelajar-pelajar lepasan universiti, yang mungkin akan mencetuskan kejadian yang tidak diinginkan dan akan membebankan kepada Kerajaan.

Cerdik pandai yang tidak mempunyai pekerjaan akan balik ke kampung dan mungkin akan menggunakan masa lapang untuk bersyarah atau bercakap dengan ilmu yang ada, dengan nada yang sumbang

dengan tujuan menentang Kerajaan hasil dari kekeciwaan mereka tidak mendapat pekerjaan. Pada ketika itu hilang semua kebaikan yang diberi oleh Kerajaan untuk mengisi otaknya dengan ilmu pengetahuan agar dapat memberi sumbangan yang berguna kepada negara ini. Oleh itu sebagaimana yang pernah disebutkan oleh Menteri Pelajaran dan pemimpin-pemimpin yang lain bahawa penubuhan universiti dan sekolah-sekolah tinggi hendaklah mengikut keperluan negara. Oleh itu amalkan konsep ini dengan mengutamakan latihan dan juga pengajaran bagi mengisi tenaga pekerja yang mahir demi untuk keperluan negara kini dan juga akan datang. Jangan kita menubuhkan universiti mengikut nafsu atau kehendak selera sebagaimana yang dicadangkan oleh wakil dari Kota Melaka kerana dengan menambahkan lagi berpuluh-puluh Universiti tanpa mengira keperluan dan kehendak-kehendak negara bagi pertumbuhan pengembangan ekonomi negara maka ianya hanya akan menambah ahli-ahli atau penyokong-penyokong DAP ataupun PAS sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Dia minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, kita berpendapat bahawa dengan adanya banyak lagi universiti kita hendaklah menggunakan perkhidmatan MAMPU untuk menyasat gunatenaga yang diperlukan oleh negara kita. Maka dengan adanya banyak universiti-universiti lagi kita boleh mengeluarkan graduan-graduan yang diperlukan. Tambahan pula cadangan Yang Berhormat dari Pasir Putih itu satunya menasabah iaitu menambah politeknik dan sebagainya dan yang ketiga itu tidak menasabah. DAP mencadangkan dasar yang wajar.

Tuan Yang Dipertua: Sila teruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, kalau banyak sangat penjelasan ini menyebabkan ketidakfahaman dia dalam ucapan saya. Dengan lain perkataan, mungkin seseorang yang banyak bertanya itu melahirkan kebodohnya.

Tuan Yang Dipertua, ekoran dari kenaikan minyak OPEC secara mengejut dalam tahun 1973 negara-negara perindustrian menjadi lemah. Ekonomi dunia pada ketika itu mula menjadi kucar-kacir. Maka wujudlah masalah baru yang berkaitan dengan kelemahan ekonomi dunia pada ketika itu. Dengan masalah kewangan dan inflasi menjadikan bekalan, pertumbuhan wang disekat, kadar faedah yang tinggi dikenakan bagi mengatasi masalah inflasi yang timbul dan juga menjadi-jadi.

Dengan wujudnya dasar perlindungan di kalangan negara maju tidak memberi banyak faedah kepada negara kita yang bergantung kepada export bahan-bahan mentah. Oleh itu usaha Kerajaan memperbagaikan faktor ekonomi negara adalah sangat membanggakan.

Tuan Yang Dipertua, walaupun masalah ekonomi dunia mulai dirasai kelemahannya tetapi bersyukur kita kepada Allah s.w.t. pada ketika itu ekonomi negara kita tetapi kukuh dengan kadar pertumbuhan sebanyak 8.6% dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu tahun 1976 hingga 1980. Tetapi bahang kemelesetan ekonomi dunia mulai dirasai oleh negara kita menjelang tahun 1981 dan 1982. Tetapi oleh kebijaksanaan pemimpin kita dan kebolehan yang kita tidak dapat nafikan bahawa kemelesetan ekonomi negara pada ketika itu tidak sangat dirasai oleh rakyat jelata dan tidak begitu kritikal atau begitu serius. Rakyat terus hidup dengan taraf yang tidak jauh berapa beza daripada

sebelumnya. Kedai-kedai dan pasaran terus dikunjungi rakyat untuk mendapat keperluan mereka. Tidak ada seorang pun daripada pekerja-pekerja yang dibuang kerja kerana kemelesetan ekonomi. Dan syukur juga tidak ada satu kilang pun yang bankrupt ataupun ditutup yang benar-benar kerana kemelesetan ekonomi. Kalau adapun tidak semata-mata kerana kemelesetan ekonomi negara tetapi kemungkinan kerana kesilapan pengurusan atau perancangan yang tidak mengambil kira arah aliran ekonomi dunia yang meleset pada ketika itu. Cuma diada-adakan hanya oleh orang-orang yang tertentu untuk menjadikan isu atau kepentingan politik mereka sahaja.

Juga bersyukur kita kerana kebijaksanaan Menteri atau pemimpin-pemimpin kita juga maka ketahanan ekonomi negara kita dapat dipertahankan sehinggalah tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara walaupun kadar menurun sehingga 4% dalam masa puncak kemelesetan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi negara terus meningkat dengan kadar yang sederhana sehinggalah ke saat ini akaun perdagangan telah mencatat lebih imbalan yang kecil setelah berlaku kekurangan dalam tahun 1982 yang lalu. Kelebihan akaun dagangan sebanyak \$324 juta itu pada tahun ini menunjukkan imbalan pembayaran negara mencapai angka lebih walaupun sedikit.

Tuan Yang Dipertua, pengurangan perbelanjaan Kerajaan yang terpaksa dilakukan sekarang ini hendaklah tidaklah akan menjejaskan daripada pencapaian prestasi ekonomi negara yang lebih baik dengan sumbangan yang akan diberi oleh industri perlombongan dengan kadar pertumbuhan 20.2%, kadar pembuatan dengan 7.4% dan juga pembinaan 8.4%. Maka ekonomi

negara akan terus maju. Adalah amat mengembirakan sekali bila mendengar pertumbuhan ekonomi kita diramalkan pada tahun 1984 ini akan meningkat kepada kadar 5.6% pada tahun hadapan dan hendaknya ramalan pertumbuhan pada tahun 1983 ini akan mencapai kepada 4.9%. Ini merupakan kejayaan bagi kita.

Tuan Yang Dipertua, terima kasih saya kepada wakil dari Kota Melaka kerana amat berminat sekali dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam perbahasannya pada 19hb Oktober, 1983. Sebenarnya LKIM yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan, yang juga memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan negara dan bukan badan perniagaan yang boleh dinilai dari segi untung ataupun rugi. Kemungkinan juga wakil dari Kepong ingin tahu atau berminat berkenaan LKIM. Kalau benar mereka ini jujur dan berminat dengan LKIM silalah datang ke pejabat saya di Tingkat 7, Wisma PKNS pada bila-bila masa. Kejut dari tidur atau tengah malam sekalipun saya akan melayannya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Saya ingin menanya Yang Berhormat dari Pasir Puteh sama ada beliau berpendapat MAJUIKAN hendak mengadakan accountability, pertanggungjawapan awam?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, dia ini tidak berapa faham sangat. Kalau kita telah pun membentangkan Penyata Kewangan kepada PAC dan juga telah dibentang atas meja, jadi apa yang kita hendak ambil susah dengan permintaan DAP? Kalau

permintaan PAC kita boleh, permintaan Juruaudit kita boleh, tetapi permintaan wakil dari Kepong dari DAP, kita tidak boleh.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya banyak buku-buku atau pamphlet atau perkara-perkara yang boleh wakil DAP baca yang telah kita bentang dan telah kita keluarkan daripada pejabat kita sekiranya mereka betul-betul berminat. Sekali lagi saya tegaskan bahawa LKM adalah badan atau agensi Kerajaan bukan untuk berniaga atau mencari keuntungan dari segi wang ringgit sebagaimana mentaliti setengah-setengah taukeh-taukeh ataupun mungkin juga daripada DAP tetapi memberi perkhidmatan dan menolong kaum nelayan yang miskin meninggikan taraf hidup dan mengurangkan kemiskinan di kalangan nelayan. Oleh itu untuk menilai kejayaan sesuatu badan yang memberi perkhidmatan dalam menjayakan sosio-ekonomi, mestilah melalui satu kajiselidik oleh ahli-ahli yang pandai dan juga tidak boleh dilihat semata-mata dengan mata kasar sebagaimana yang dilihat oleh setengah wakil DAP, dan diharap juga moga-moga isu ini tidak boleh menambahkan kerusi di dalam Dewan ini oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang Dipertua, bagi saya menganggapkan adalah amat hina bagi seseorang yang tidak tahu dan tidak mengetahui sesuatu itu melempar tuduhan dengan membuta-tuli. Adalah amat zalim bagi seorang pemimpin menuduh sesuatu hasil dari kebodohnya atau kekebalannya. Semenjak dua tahun saya menjadi Pengerusi LKIM kami telah menyusun dan membentuk konsep yang akan memaju kaum nelayan dalam taraf hidup serta mengurangkan kemiskinan kaum nelayan, di samping memajukan perindustrian perikanan dalam negara ini. Tanggungan ini walaupun ringan mata memandang tetapi berat bahu memikulnya. Kalau nak bercakap dalam Dewan boleh cakap, tetapi tidak ada maknanya.

Tuan Yang Dipertua, kalau benar Wakil dari Kota Melaka berani, saya minta Wakil tersebut buktikan di manakah salah pengurusan atau incompetence atau rasuah atau sebarang penyelewengan yang berlaku dalam LKIM semasa tanggungan saya. Semasa saya menjadi pengerusi; bukan sebelumnya. Dan perkara ini tidak akan salah dibongkar; sebagaimana katanya salah untuk dibongkar dalam ucapannya pada 19hb, dan saya tidak ada dalam Dewan ini pada ketika itu. Kalau perkara ini benar dan boleh menguntungkan negara, tidak ada salahnya, Tetapi sebaliknya kalau sesuatu tuduhan itu dikeluarkan dari seseorang yang bernafsu jahat untuk menjahanamkan sesuatu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membela kaum nelayan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Wakil dari Kepong minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Hendak buat penjelasan tidak mengapa.

Tuan Yang Dipertua: Sekejap biar. . . . minta tuju kepada saya.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36 (6).

Tuan Yang Dipertua: Apa dia Peraturan Mesyuarat 36 (6)?

Dr Tan Seng Giaw: Seseorang tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya akan beri penjelasan sebelum saya membuat keputusan.

Tuan Yang Dipertua: Nanti sekejap, saya beri keputusan dahulu.

Saya ingat itu syarahan daripada Yang Berhormat dari Pasir Puteh, itu tidak ada sangkaan jahat, ia hanya mempertahankan diri. Sila teruskan! (*Tepuk*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya saya mengatakan di sini seseorang yang bernafsu jahat. Jadi, kalau makan lada memang terasa pedas. Tetapi sebaliknya kalau sesuatu tuduhan yang dikeluarkan dari seseorang yang bernafsu jahat untuk menjahanamkan sesuatu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membela kaum nelayan terutama nelayan Melayu di Pantai Timur maka perbuatan ini adalah salah dan boleh didenda. Kalau Wakil dari Kota Melaka ada saya akan memberi denda \$1,500 dan kerusi dia dalam Dewan ini tidak akan hilang.

Tuan Yang Dipertua, LKIM menjalankan fungsinya membantu nelayan miskin, bukan nelayan kaya. Nelayan miskin ialah kaum bumiputera terutama di Pantai Timur dan di Sarawak. Adalah amat wajar sekali Wakil dari Kota Melaka meminta ataupun mendoa supaya LKIM itu ditutup dan bankrup kerana kalau LKIM ini atau MAJUIKAN ini bankrup dan ditutup, bermaharajalelalah tokeh-tokeh kaya menekan dan menghisap darah nelayan-nelayan yang miskin dan inilah perjuangan DAP dan tercapailah cita-cita DAP untuk menekan orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain yang miskin supaya lenyap di muka bumi ini. Kerana selama ini kita tahu dan kenal bahawa DAP merupakan parti perkauman yang boleh mengagalkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan menjahanamkan keselamatan dan ketenteraman negara yang kita nikmati selama ini. Kerana kelahiran DAP bukan sahaja memecahbelahkan rakyat dalam negara ini tetapi juga memecahbelahkan antara rakyat sesama kaum Cina.

Ini dapat dilihat dengan tiupan api perkauman semasa berlakunya sesuatu pilihanraya, sepertilah pilihanraya di Seremban nanti mungkin lagu inilah yang akan dinyanyikan oleh pihak DAP. Kemenangan DAP semata-mata

kerana isu perkauman tetapi kalau menang satu dua kerusi atau sekurang-kurang lapan atau sembilan kerusi tidak mengapalah. Agar boleh juga DAP ini terus hidup setidak-tidaknya dapat juga kita mendengar suara sumbang yang disalakkan di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi kita harus ingat kalau DAP dapat.

Tuan Yang Dipertua: 36? Apa dia itu? Perkataan apa yang dikata.

Dr Tan Seng Giaw: Sumbang.

Tuan Yang Dipertua: Sumbang? Saya rasa perkataan "sumbang" tidak menjadi kesalahan apa-apa, sila teruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Dia tidak berapa faham Bahasa Malaysia, Tuan Yang Dipertua (*Ketawa*) Saya ada dictionary, boleh buka bagi dia. Tetapi kita harus ingat kalau DAP dapat menubuhkan Kerajaan dalam negara ini, saya mengatakan peristiwa 13 Mei akan berulang lagi apabila kita melihat dengan telatah dan kesombongan mereka. Ini semua kita tidak boleh nafikan, bukti dan sejarah hitam akibat dari kesombongan dan kebongkakan mereka itu nyata dan terbukti dengan berlakunya peristiwa tersebut.

Tuan Yang Dipertua, apabila saya membaca ucapan daripada Wakil dari Kota Melaka merupakan kepala atau bapa Pembangkang dalam Dewan ini pada 19-10-83, teringat saya semasa memeriksa karangan Tingkatan 3 semasa saya menjadi guru dahulu. Kalau seperti itu selalunya ditulis oleh Tingkatan 3 pun, Tingkatan 3C, bukan Tingkatan 3A yang tidak begitu susah bagi saya membuat correctionnya, dengan izin. Amat sedih bagi saya apabila mendengar ucapan daripada Ketua Pembangkang. Teksnya telah disediakan oleh beberapa penyelidikan dan setiausaha-setiausaha. Tetapi

isinya masih lemah dan mutunya amat rendah sekali dan bahasanya pula lintang-pukang. Kalau inilah mutu pencapaian perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ada Wakil dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Pasir Puteh memberi contoh daripada ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang dikatakan mutunya rendah.

Tuan Yang Dipertua: Sekejap, yang itu bukanlah penjelasan, itu pertanyaan. Saya minta Yang Berhormat dari Pasir Putih teruskan ucapan, jangan jawab apa-apa.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Dia tidak baca *Hansard*, Tuan Yang Dipertua. Kalau inilah mutu pencapaian perbahasan dalam Dewan yang mulia ini sampai bila pun kemuliaan Dewan ini akan tercemar. Lebih-lebih lagi apabila orang bercakap itu mempunyai sifat negatif. Penilaiannya terhadap keburukannya sahaja, sampai bila pun mereka itu tidak akan jadi baik. Dengan ini menjadikan fikiran orang yang selalu menilai terhadap keburukan ini, maka fikirannya akan penuh dengan ranjau dan juga akan penuh dengan kekotoran yang tidak boleh dibaiki atau dibersihkan lagi.

Tuan Yang Dipertua, kalau Dewan yang mulia ini digunakan untuk membela diri dalam ucapan yang lepas dan juga tidak mahu mengaku kesalahan yang dilakukan sampai bila pun Dewan ini tidak akan dapat menolong membentuk perundangan yang baik kerana masing-masing kepentingan bercakap mempunyai kepentingan diri dan juga membela diri. Inilah isi ucapan yang dilakukan pada 19-10-83 yang lepas oleh wakil dari Kota Melaka.

Oleh itu saya berseru kepada Wakil ataupun pemimpin DAP jadikanlah Dewan ini tempat yang memberi buah fikiran yang boleh menolong Kerajaan dalam pembentukan dan meluluskan sesuatu undang-undang yang boleh memberi kesempurnaan dan keharmonian rakyat dan elakkanlah daripada bercakap yang boleh memecahbelahkan ataupun memberi buah fikiran yang songsang dan yang mengeluarkan pendapat atau hujah-hujah seperti yang dibincangkan di kedai kopi ataupun di wakaf-wakaf sementara tunggu hari malam sahaja.

Tuan Yang Dipertua, kalau anjing itu yang biasa makan tahi kalau tidak makan, hidu juga (*Ketawa*). Kalau dasar orang itu jahat, sejujur-jujurnya menipu juga dan sekiranya dasar orang itu Pembangkang sebaik-baik sekalipun dicadangkan oleh Kerajaan ditentang juga. Inilah otak songsang yang bukan sahaja boleh menghalang kelincinan perjalanan sesebuah Kerajaan tetapi boleh menjahanamkan dan menghancurkan leburkan negara ini akibatnya bukan sahaja pertumbuhan ekonomi negara terbantut tetapi kegagalan pertumbuhan ekonomi negara yang dirancang dan ditaja oleh Kerajaan selama ini akan menemui kegagalan.

Tuan Yang Dipertua, pertumbuhan ekonomi negara terbantut sekiranya bangkangan yang tidak sihat dilakukan. Begitu juga usaha Kerajaan mengekalkan taraf pencapaian ekonomi ke arah yang lebih baik akan gagal, sekiranya ada golongan yang inginkan kekacauan daripada ketenteraman. Ada golongan yang sukakan kekerohan daripada kejernihan kerana niat dan matlamat golongan ini adalah menanggok di air yang keroh. Kerana itu bukan sahaja boleh menghancurkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga menghancurkan leburkan rakyat dalam negara ini demi untuk kepentingan diri dan nafsu mereka. Mereka berharap biarlah

negara ini hancur, biarlah rakyat merata asalkan cita-cita mereka tercapai. Inilah perjuangan yang paling senang dan juga paling keji dalam sejarah politik dunia ini yang pernah dan juga akan berlaku selagi adanya golongan yang kecewa dalam politik dan dahagakan kekuasaan dalam negara ini. Moga-moga Allah akan menjauhi mereka yang seperti ini.

Tuan Yang Dipertua, tidak ada yang paling sedap dalam dunia ini kalau makan, makan peri, kalau kerja orang lain buat dia duduk sahaja. Kalau bercakap mengata-ngata orang. Kalau bersyarah orang lain buat semua tidak betul baharu sedap syarahan itu. Jawapannya inilah Pembangkang. Tetapi kalau kita suruh dia buat sudah tentu semuanya tidak jadi, akan jadi bubur. Kesimpulannya kalau bercakap dan juga bersyarah yang paling sedap sekali ialah mengkritik apa yang orang lain sudah buat. Jadi kata orang tua-tua kalau mahu kritik seperti ini; sepertilah rumah sudah, pahat berbunyi. Dengan bunyinya adalah sungguh sumbang sekali. Seolah-olah dialah orang yang paling pandai sekali di dalam dunia ini. Orang lain semuanya tidak pandai. Orang lain semua tidak tahu, cuma dia sahaja yang bodoh. Kalau bodoh boleh diajar, Tuan Yang Dipertua, kita masukkan dia ke sekolah dewasa tetapi kalau bodoh sombong maka mampuslah dia dengan kebodohnya, akibatnya lebih teruk lagi daripada pak pandir yang bodohnya adalah bodoh tetapi jujur. Inilah tarafnya orang yang hendak menjadi pemimpin. Kalau inilah orangnya maka jahanamlah kita ini semua.

Tuan Yang Dipertua, kelmarin pada 24hb Oktober, 1983 saya mendengar salakan anjing yang menyalak bukit, seolah-olah bukit itu akan runtuh, sebab itulah salakan begitu kencang, begitu nyaring sekali seolah-olah beliaulah yang tahu segala-galanya berkenaan dengan BMF ini. Seolah-olah beliaulah yang bertanggungjawab

dan beliau orang yang paling jujur dalam dunia ini. Tetapi, Tuan Yang Dipertua, di sebalik laungannya itu ada mempunyai maksud dan cita-citanya tersendiri dan yang berlainan yang tidak payah saya sebutkan kerana terkilau sahaja ikan di air kita sudah tahu jantan betinanya. Anjing yang menyalak itu tidak akan menggigit, Tuan Yang Dipertua. Kerajaan tidak perlu takut dan tidak perlu mengambil tindakan terburu-buru kerana tersilap langkah kita akan terkena jerat mereka. Tuan Yang Dipertua, kita tahu penyelewengan yang berlaku dalam BMF di Hongkong. Kerajaan tahu dan juga Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir sendiri selaku Perdana Menteri lebih tahu, lebih arif dalam perkara BMF ini. Apa yang kita susah-susahkan mengambil masa yang begitu panjang untuk menceritakan hal BMF dalam Dewan yang mulia ini.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Sebenarnya DAP tidak perlu bersusah dan tidak perlulah memberi cadangan apa-apa kerana Kerajaan telah pun menyusun cara dan juga.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya minta penjelasan sedikit.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat beri jalan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya belum beri lagi.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ya, sila duduk Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Apa yang hendak ditanya ini benak sedikit, Tuan Yang Dipertua.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat dari Pasir Putih menyokong perbuatan BMF itu? Kalau tidak, apakah tindakan beliau cadangkan? Apakah yang dikandungkan di dalam ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bolehkah disebutkan di sini yang tidak benar?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, ini bukan penjelasan cuma dia tidak faham ucapan saya. Lepas ini boleh baca balik saya boleh beri kalau hendak salinan, saya pun tulis dengan tangan, boleh beri salinan asal.

Tuan Yang Dipertua, kalau tidak faham ucapan saya, Yang Berhormat boleh buka earphone ada translation bahasa Inggeris dia boleh faham, Tuan Yang Dipertua. Sebenarnya kita tahu bahawa penyelewengan yang berlaku di Hong Kong itu, Kerajaan dan Perdana Menteri sendiri lebih tahu. Jadi, DAP tidak payahlah bersusah payah bercakap panjang lebar dan tidak payah suruh itu dan suruh ini kerana semuanya Kerajaan telah merancang dan mencadangkan apa tindakan yang akan dilakukan. Jadi, dengan mengambil tindakan yang terburu-buru hanya menyusah dan jerat dia akan terkena. Dan dengan itulah, bagi mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat itu maka kita perlu berhati-hati dan bertindak tegas. Dan tindakan Kerajaan mestilah begitu teliti akan cermat dan lebih menguntungkan daripada tindakan yang terburu-buru dan gelojoh sebagaimana tindakan setengah-setengah pemimpin, terutama pemimpin DAP yang sangat gelojoh dan cepat naik darah serta cepat melenting sepertilah pemimpin-pemimpin lain yang ada dalam Dewan ini yang selalu membangkang dan melenting dengan banyak soalan-soalan minta penjelasan kerana tidak difahami daripada ucapan saya ini.

Tuan Yang Dipertua, saya minta supaya Kerajaan tidak akan tunduk kepada kehendak DAP dalam hal BMF ini tetapi Kerajaan hendaklah bertindak mengikut cara kita sendiri. Jika perlu adakan Suruhanjaya Siasat Di Raja kita adakan. Kalau tidak perlu, cukup dengan siasatan yang ada, kita teruskan, tidak perlu menerima cadangan daripada beliau. Begitu juga, kita bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih kita keluarkan, kalau kita tidak perlu jangan keluarkan kerana ini adalah tanggungan Kerajaan dan kita lebih bertanggungjawab daripada mereka itu semua. Kerana sesuatu cadangan yang diberi oleh Pembangkang itu ada muslihatnya. Jika kita tidak berhati-hati maka kita akan masuk perangkap mereka. Sebab itulah mereka besar-besarkan dan seolah-olah negara ini akan bengkrap dengan isu BMF ini. Dengan membesar-besarkan isu BMF ini saya tahu ada matlamatnya moga-moga sokongan dalam pilihanraya kecil yang tidak lama lagi akan dapat dipengaruhi.

Tuan Yang Dipertua, dalam dunia ini tidak ada yang paling mudah ialah menyuruh orang lain bertindak selepas itu apabila Kerajaan membuat sesuatu tindakan maka pada ketika itu ada lagi yang tidak kena. Kerana jika kita bertindak mungkin dituduh pula Kerajaan ini bertindak kejam, tidak berperikemanusiaan dan sebagainya dituduh kepada Kerajaan. Oleh itu Kerajaan hendaklah begitu cermat dan begitu berhati-hati dalam menjalankan tindakan dan menyusun cara yang sebaik-baiknya, agar ular yang dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah dan tanah tidak akan lebam. Inilah tindakan yang sebaik-baiknya bagi menyelesaikan masalah BMF ini.

Tuan Yang Dipertua, tindakan yang terburu-buru hanya akan menimbulkan masalah baharu pula. Dengan beberapa masalah baharu

yang timbul itu sudah tentu akan mewujudkan kekerohan dan apabila berlaku kekerohan maka DAPlah yang akan menanggungnya. Saya berharap kepada DAP carilah jalan yang lebih mudah atau jalan lain yang lebih baik supaya menyusun semula pentadbiran partinya supaya lebih kemas dan tidak berlaku perpecahan dalam parti mungkin akan dapat menambahkan kerusi dalam Dewan ini. Tidaklah mencari isu-isu yang seperti ini yang boleh merugikan kita semua. Jangan cari isu dan publicity yang boleh menggugat ketenteraman awam dan juga menggugat orang ramai agar akan berlaku kekerohan atau akan berlaku kegelisahan. Apabila kegelisahan berlaku maka timbullah huru hara maka keselamatan negara akan terjejas maka sekali lagi DAP akan menanggung di air keroh. Inilah kesimpulan politik yang dimainkan oleh Pembangkang DAP sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, dengan kejayaan Kerajaan membaiki imbangan pembayaran dan juga memperkukuhkan kedudukan kewangan negara telah membentuk dan menyusun ekonomi negara kita ke arah yang lebih baik walaupun kita terpaksa menanggung beban hutang negara kerana pinjaman yang kita perolehi itu adalah untuk kepentingan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara tidaklah untuk kepentingan menjahanamkan negara ini.

Dengan kepercayaan dunia dan juga dengan kemampuan negara kita untuk membangun maka kita tidak ragu-ragu lagi untuk menyokong sebarang langkah Kerajaan; yang dijalankan oleh Kerajaan untuk pertumbuhan ekonomi negara kita ini. Kerana dengan kadar khidmat bayaran hutang luar negeri yang merupakan bayaran pokok dan faedah, jika kita bandingkan dengan kadar pendapatan eksport barangan dan perkhidmatan

bukan faktor hanya sebanyak 6% sahaja dalam tahun 1983. Ini adalah tidak membahayakan kepada negara kita dan adalah di paras yang boleh dikawal. Begitu jugalah yang diterangkan oleh Yang Berhormat Dato Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan tadi. Cuma orang yang tidak tahu dan tidak bijak dalam pembangunan ekonomi negara sahaja yang takut untuk meminjam kerana peminjaman dilakukan oleh orang yang tidak tahu akan terus membeban dan tidak berkemampuan membayarnya.

Negara kita yang masih menerima kepercayaan antarabangsa untuk meminjam dan tahu pula untuk menggunakan kewangan yang dipinjam itu untuk mengkayakan negara ini maka orang yang menentangnya dianggap orang yang cetek dalam pengetahuan ilmu ekonominya. Kalau kita taksirkan kepada diri kita, kita tidak akan dapat memiliki rumah dan tidak akan dapat memiliki motokar kalau kita takut untuk meminjam. Ahli-ahli perniagaan dan taukeh-taukeh yang kaya tidak akan dapat menjalankan perniagaan dan juga pembangunan projek yang besar kalau takut meminjam dan meminjam itu pula bank tidak akan diluluskan pinjaman kalau perniagaan atau projek itu tidak viable. Begitu jugalah kepada negara kita.

Kita patut bangga dengan pencapaian yang meletakkan negara kita ke tahap yang dipercayai oleh badan-badan kewangan dan ekonomi antarabangsa dan juga negara-negara maju untuk memberi pinjaman kepada kita. Inilah hasil dari usaha pemimpin kita yang meletakkan kepentingan negara lebih daripada segala-galanya dengan dapat mewujudkan keselamatan dan kententeraman negara di peringkat yang ada sekarang. Keutuhan dan kemakmuran negara akan terus dipertahan selagi adanya kestabilan politik yang ada dalam negara ini yang dibawa oleh UMNO

dan Barisan Nasional merupakan parti yang penuh kesedaran dan bertanggungjawab terhadap negara dan rakyat. Mungkin DAP akan mengatakan bahawa UMNO, MCA, MIC, GERAKAN, Parti Pesaka dan Berjaya dan lain-lain parti komponen Barisan Nasional ini adalah parti perkauman. Saya akui parti tersebut terdiri dari kaum tertentu tetapi dalam konteks Malaysia sekarang konsep Barisan Nasional yang wujud sekarang ini adalah yang paling sesuai untuk menjamin kestabilan politik kita di kalangan rakyat yang berbilang kaum, berlainan keturunan, berbeza pendapat dengan kehendak-kehendak yang tidak sama. Jadi dengan kehendak-kehendak dan pendapat yang berbeza inilah akan dapat diselaraskan dalam Barisan Nasional bagi mencapai satu matlamat dan satu cita-cita yang akan memberi keadilan kepada semua kaum. Penerangan ini dibuat kerana pihak DAP tidak dapat berpeluang mendengar ucapan seperti ini. Dengan matlamat dan cita-cita yang diselaras inilah akan mewujudkan keselamatan negara dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Cuma mereka yang tidak sedar sahaja yang tidak pernah mendengar penerangan-penerangan berkenaan dengan Barisan Nasional menafikan perjuangan Barisan Nasional dan menuduh Barisan Nasional ini parti perkauman.

Bukanlah kita menubuhkan sesuatu parti yang berbilang kaum tetapi matlamat dan cita-citanya memperjuangkan untuk satu kaum sahaja. Kaum-kaum lain sebagai gambaran dan alat untuk mengaburi mata rakyat, akhirnya tinggallah 9 daripada 16 kerusi. Nasib baik rakyat lebih sedar daripada orang-orang lain. Tetapi mungkin timbul pula tidak puashati di antara kaum akan berlaku dengan tindakan dan cara Kerajaan mencapai keharmonian dan ketahanan negara ini. Sebenarnya sebagaimana yang pernah disebutkan oleh Yang

Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri kita bahawa ketidak puashati inilah membuktikan bahawa keadilan Kerajaan Barisan Nasional telah wujud dalam negara ini, kerana kalau puashati sesuatu pihak atau kaum sudah tentu satu-satu kaum atau pihak-pihak yang lain akan tertindas kerana orang yang berkuasa itu tidak akan puas untuk mencari kesempatan bagi mendapat kepentingan satu-satu puak sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh tentang pengswastaan yang hendak dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini kerana sebagai sebuah negara yang free enterprise, dengan izin, pengswastaan akan mengurang pergantungan rakyat kepada Kerajaan. Tetapi sebaliknya rakyat bersama-sama mengambil peranan untuk kepentingan mereka sendiri. Dengan pengswastaan ini juga akan bertambah penglibatan swasta dalam pertumbuhan ekonomi negara dengan cara sihat dan menguntungkan rakyat serta menambahkan cita-cita swasta dan tanggungjawab mereka terhadap negara ini. Dengan pertambahan sumbangan rakyat ini sudah tentu negara akan berkembang dengan lebih pesat lagi.

Maka dengan cara pengswastaan ini juga kemungkinan kita boleh menjual saham atau syer dalam negara kita ini kepada swasta luar negeri yang boleh menambahkan pertumbuhan modal dalam negara kita tanpa mengharapkan pinjaman; sama ada dalam negeri atau luar negeri yang tidak akan menguntungkan Kerajaan tetapi membebankan negara yang sudah pun ada memiliki beban tersebut. Tetapi saya memohon kepada pihak Kerajaan supaya pengswastaan itu dengan beberapa persoalan, iaitu apakah pengswastaan ini akan tetap mengikut lunas Dasar Ekonomi Baru dan bolehkah dengan

pengswastaan itu akan menambahkan keupayaan pengeluaran dan gunatenaga yang lebih efisien dalam negara kita ini? Apakah pengswastaan itu akan bersesuaian dengan kehendak-kehendak umum dan rakyat jelata agar mereka dapat perkhidmatan yang memuaskan tanpa menanggung beban yang berlebihan. Ini termasuklah bayaran dan kemudahan penggunaan yang tidak akan rugi daripada apa yang diterima oleh rakyat dari Kerajaan selama ini kerana pengswastaan merupakan tanaman modal yang memerlukan keuntungan? Maka menentukan keuntungan inilah agar tidak akan menekan dan menindas rakyat.

Oleh itu, pewujudan pengswastaan ini dalam negara yang free enterprise hendaklah akan mewujudkan satu pertandingan sihat di antara beberapa swasta yang akhirnya boleh menguntungkan kepada negara ini.

Selain daripada itu, proses pengswastaan ini juga hendaknya janganlah menjejaskan pekerja-pekerja yang sedia ada berkhidmat dan berlaku sebarang eksploitasi oleh pihak swasta yang kita tahu mereka itu ingin mengejar keuntungan semata-mata. Oleh itu, pengswastaan satu-satu projek atau badan itu bukan semata-mata kerana hendakkan swasta tetapi sebaliknya pengswastaan yang hendak dilakukan itu agar boleh menguntungkan rakyat jelata dan ciri-ciri yang saya sebut di atas tadi. Tetapi kalau pengswastaan itu untuk memenuhi lagi perut gergasi atau memperkayakan lagi jutawan-jutawan maka sia-sialah harapan Kerajaan hasil dari pengswastaan itu. Pengswastaan ini juga akan membezakan di antara rakyat yang berada dengan golongan miskin atau yang berpendapatan rendah. Misalnya pengswastaan hospital, Kerajaan boleh mengswastakan hospital bagi kelas satu untuk kumpulan rakyat yang berada

supaya mereka itu dapat layanan yang sempurna dan memuaskan kerana golongan ini akan sanggup membelanjakan wangnya asalkan dapat perkhidmatan dan layanan yang baik dan memuaskan. Sebaliknya apabila Kerajaan melepaskan beban tanggungjawab ini kepada swasta maka Kerajaan bolehlah menumpu sepenuhnya dan memberi perkhidmatan yang lebih baik lagi kepada hospital Kerajaan untuk rakyat jelata yang berpendapatan rendah sahaja. Dengan perkhidmatan percuma yang lebih baik ini akan melahirkan rakyat yang sihat dan rakyat yang terus produktif dan akan menguntungkan negara dan berkuranglah masalah-masalah atau sungutan-sungutan rakyat kepada Menteri Kesihatan tentang layanan yang tidak memuaskan di hospital-hospital atau kekurangan-kekurangan doktor atau sebagainya yang berlaku di hospital-hospital sekarang ini. Begitu jugalah kalau perkhidmatan telekom, maka dengan pengswastaan akan mengurangkan senarai menunggu untuk mendapat perkhidmatan telefon dan mempercepatkan panggilan-panggilan jauh yang mustahak, mungkin hendaklah tidak akan berlaku lagi deringan-deringan telefon yang tidak berjawab oleh operator-operator telefon.

Tuan Yang Dipertua, saya mengalu-alukan penggunaan konsultan dan juga kontraktor-kontraktor dalam negeri bagi mengelak pertukaran wang ke negara lain dengan berlebihan dan menggalakkan pertumbuhan dan juga perkembangan kontraktor dalam negeri ini.

Cara ini adalah cara yang lebih baik dan menguntungkan negara, lebih-lebih lagi kita hendaklah memberi kepercayaan yang lebih kepada badan penasihat perunding dan juga kontraktor-kontraktor kita dalam negeri sebagaimana Kerajaan Korea dan juga Kerajaan Jepun memberi

kepercayaan kepada rakyat sendiri di dalam melaksanakan pembangunan negaranya. Selagi Kerajaan kita tidak percaya kepada rakyat kita, maka selama itulah rakyat kita akan tinggal statik, akan beku dan tidak mencapai perubahan dan menerima tanggungjawab yang mencabar bagi melaksanakan pembangunan negara dan tanah airnya sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh tentang dasar Kerajaan untuk menceburkan diri dalam lapangan industri berat, yang sudah tentu memerlukan peruntukan yang besar, kalau tidak dasar dan juga kehendak Kerajaan ini tidak akan tercapai dan dasar ini adalah baik dalam jangka panjangnya, tetapi dengan peruntukan yang besar ini hendaknya janganlah menjejaskan sektor-sektor lain, yang merupakan darah daging rakyat negara ini, terutama rakyat yang miskin perlukan bantuan dan pertolongan seperti sektor pertanian misalnya.

Kita telah mengakui sektor pertanian ini merupakan asas utama ekonomi negara kita, tetapi dalam peruntukan pembangunan sektor pertanian peruntukan telah dikurangkan sebanyak \$115 juta bagi tahun 1984 ini, sepatutnya pengurangan ini tidak akan dilakukan agar sektor yang menjadi asas utama ekonomi negara ini tidak akan terjejas.

Tuan Yang Dipertua, dengan pelaksanaan industri berat juga sudah tentu akan memesatkan lagi penghijrahan atau pemindahan dari kampung ke bandar yang selama ini pun telah menjadi masalah. Selain daripada kesesakan di bandar juga menimbulkan masalah sosial, ekonomi, kesihatan, kemudahan-kemudahan lain dan sebagainya. Akibat yang juga timbul ialah ladang-ladang getah, sawah-sawah padi dan tanah-tanah akan terbiar kerana kekurangan tenaga kerja, masing-

masing telah meninggalkan kampung kerana mengejar sektor perindustrian berat yang mungkin mendapat upahan ataupun mendapat pulangan yang lebih menguntungkan berbanding dengan sektor pertanian yang mereka lalui selama ini. Ini kita tidak dapat menyalahkan mereka kerana masing-masing mengejar kepada kemajuan dan pemodenan di dalam sektor ekonomi, apabila keadaan ini berlaku, ladang-ladang getah dan sawah padi terbiar, maka sektor pertanian yang merupakan asas utama ekonomi negara kita ini akan runtuh dan rosak, dan usaha untuk membaikinya semula sudah tentu akan mengambil masa yang panjang. Oleh itu saya menyeru Kerajaan mestilah bertindak tegas untuk menarik balik anak-anak muda kita berhijrah balik ke kampung-kampung untuk menjadi peladang moden dengan menggunakan peralatan yang lebih moden dan memudahkan serta mengerjakan pertanian sebagai pertanian commercial ataupun pertanian yang ekonomik yang boleh menguntungkan, misalnya dijalankan dengan secara estet dengan pengurusan yang lebih teratur dan lebih tersusun.

Untuk menarik minat anak-anak muda juga terus tinggal di kampung ialah memesatkan pembangunan di luar-luar bandar dengan kemudahan asas yang mencukupi dan sempurna. Jadi dalam keadaan serba kekurangan sekarang ini kita tidak hairanlah kalau anak-anak muda kita ini meninggalkan kampung dan berpusu-pusu ke bandar. Pembentukan bandar di dalam kampung (town village), dengan izin, sebagai satu projek pembangunan setempat ataupun *in situ* development merupakan suatu yang menarik dan boleh dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengekalkan anak-anak muda kita supaya tidak meninggalkan kampung. Dengan adanya perancangan ini sudah tentu perbezaan di antara kampung dengan bandar tidak akan jauh larinya,

maka dengan keadaan ini kita dapat mengekalkan pemuda-pemuda kita terus tinggal di kampung.

Tuan Yang Dipertua, dalam strategi untuk menjalankan negara Malaysia sebagai negara industri yang disegani dan dihormati oleh dunia, maka perlulah Kerajaan bertindak dengan secara berhati-hati dan menjalankan usaha itu dari setapak demi setapak atau dari peringkat ke peringkat supaya jangan menemui kegagalan akan terjatuh daripada sektor yang baru kita masuki ini sehingga kita tidak lagi dipercayai oleh negara-negara lain. Bidang-bidang yang kita mempunyai kepakaran misalnya bidang yang memberi keuntungan seperti industri dalam lapangan getah, kelapa sawit ataupun bijih timah perlulah diberikan keutamaan di dalam menyusun strategi perindustrian ini, kerana kita mengutamakan perindustrian kita berdasarkan kepakaran yang ada kepada kita, tetapi jangan kita mengharapkan perindustrian ini daripada kepakaran yang kita minta daripada luar negeri. Hendaknya pakar-pakar ekonomi negara kita mengkaji perkara ini dengan lebih baik dan dengan lebih tersusun, dengan lebih mendalam supaya dapat memahami bidang-bidang kepakaran yang kita boleh menjadikan negara kita sebuah negara perindustrian.

Tuan Yang Dipertua, dalam Belanjawan 1984, banyak barang-barang telah dinaikkan cukai dan dikenakan cukai terutama barang-barang mewah. Asas barang-barang yang hendak dicukai itu sebenarnya makin lama makin berkurangan dan Kerajaan sampai satu peringkat sudah tentu tidak ada lagi barang yang hendak dinaikkan cukai. Oleh itu untuk menambahkan perbelanjaan dan kewangan negara, kita tidak perlu lagi mengutamakan dalam kenaikan cukai kepada barang-barang yang telah dinaikkan cukai, tetapi untuk

menambah kewangan negara Kerajaan perlu memperbaiki sistem pentadbiran pungutan cukai supaya sistem pungutan cukai ini lebih berkesan lagi. Jadi jika cukai-cukai dapat dipungut dengan lebih berkesan, sudah tentu kita akan dapat memungut kewangan dan bagi menambah tabung negara kita.

Selain daripada itu juga sekarang ini banyak kita mendengar bahawa Kerajaan membeli saham-saham daripada syarikat luar dengan membayar harga yang tinggi dan perlu kita mengambil tindakan berhati-hati dan dengan teliti supaya perkara ini tidak akan membebaskan lagi kita yang telah pun ada sedikit sebanyak berkenaan hutang negara yang selama ini kita telah jalankan, dengan membeli saham-saham ini sudah tentu kita memerlukan penambahan kewangan dan jika perlu kita akan meminjam lagi. Jadi pembelian saham syarikat swasta secara mendadak atau secara tergesa-gesa akan membazirkan wang negara dan boleh meruncingkan lagi imbalan pembayaran yang selama ini kita tidak begitu baik. Jadi di dalam membeli saham-saham atau syer yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat luar negeri ini, sekiranya kita mempunyai kemampuan untuk membelinya boleh kita membelinya, tetapi kalau kita membeli dengan maksud mendapat punca kewangan itu daripada meminjam, maka ini akan mengurangkan lagi imbalan pembayaran yang ada dan ini akan melemahkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Jadi dengan itu, saya menyokong Belanjawan 1984 ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Kapit.

4.30 ptg.

Datuk Leonard Linggi Anak Jugah (Kapit): Tuan Yang Dipertua, saya suka membuat pandangan ke atas Rang Undang-undang Belanjawan

1984 sebagaimana yang dibentang oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita.

Adalah ternampak bahawa Rang Undang-undang Belanjawan 1984 ini telah dirangka untuk menjaga ekonomi negara kita daripada menjadi buruk akibat kemelesetan dunia sekarang. Tahun 1982/83 boleh dianggap sebagai tempoh yang sangat buruk bagi sejarah ekonomi Malaysia. Harga-harga barang keluaran utama Malaysia jatuh sehingga menyebabkan kekurangan dari pendapatan eksport kita. Keadaan ini telah meninggikan kurangan bayaran luar kita yang menyebabkan kita lebih lagi bergantung kepada pinjaman luar. Pertambahan hutang-hutang dari luar bersama dengan kadar faedah yang tinggi telah menyebabkan negara kita membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membayar hutang sahaja.

Kerajaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 telah mengambil langkah yang sesuai untuk menguatkan keadaan kewangan Malaysia dengan menghubungkan perbelanjaan dengan sumber yang ada. Oleh sebab sumber-sumber negara kita telah kekurangan akibat daripada kemelesetan ekonomi, wang untuk perbelanjaan pembangunan adalah kurang bagi tahun 1984. Adalah dipercayai bahawa kadar perkembangan (growth target) yang dianggarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat akan tidak dapat dicapai. Kerajaan terpaksa mengurangkan matlamat perkembangan Rancangan Malaysia Keempat kerana adalah dipercayai bahawa pemulihan ekonomi dalam tahun 1984/85 tidak akan cukup kuat untuk memperseimbangkan kemelesetan ekonomi yang dialami dalam tahun 1981/82. Ini tentu akan mempunyai implikasi-implikasi tertentu ke atas aspek-aspek Rancangan Malaysia Keempat yang

lain, umpamanya penghapusan kemiskinan dan kelancaran proses penyusunan semula masyarakat dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, dengan kejatuhan kadar perkembangan ekonomi itu maka adalah penting untuk mengubahsuaikan ekonomi kita kepada pengeluaran dan menyediakan bekalan bagi keperluan asas (basic needs) seperti makanan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan lain-lain dan memelihara dan mengembangkan sumber-sumber penghidupan bagi kebanyakan rakyat yang masih miskin. Langkah-langkah ini adalah sangat perlu bukan sahaja sebagai keperluan sosial tetapi untuk mencegah bertambahnya kemiskinan dan pengangguran dalam soal kadar pertumbuhan yang rendah. Objektif kita patutlah kadar pertumbuhan yang sederhana, tetapi kita masih dapat juga meninggikan taraf hidup di kalangan rakyat yang masih miskin.

Saya gembira memperhatikan bahawa dalam Rang Undang-undang Belanjawan 1984 Kerajaan akan terus memberi keutamaan yang tinggi kepada projek-projek yang boleh membasmikan kemiskinan dengan peruntukan \$1,954 juta untuk tujuan ini.

Tuan Yang Dipertua, Sarawak yang mempunyai kawasan 48,000 batu persegi yang mana sebahagian besar masih belum dimajukan di kawasan luar bandar adalah masih dalam kemiskinan. Penduduk-penduduk luar bandar adalah dari bumiputera keturunan Iban, Orang Hulu, Bidayuh, Murut yang masih hidup dalam serba kemiskinan. Memang juga diakui Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperluaskan pembangunan ke kawasan luar bandar, pembangunan ini termasuk pembangunan-pembangunan kecil di bawah Program Projek-projek Kecil Luar Bandar,

termasuk projek jeti, atap zing, perbekalan air dan akhir-akhir ini pembangunan elektrik luar bandar. Dalam keadaan ekonomi yang sedang meleset, peruntukan untuk tujuan ini adalah di antara peruntukan yang dikurangkan, dengan perkataan lain, peruntukan yang memang sedikit bagi mereka telah diambil kembali dan mereka akan terus hidup dalam kemiskinan.

Ingin saya menjelaskan di sini bahawa apa yang saya perkatakan di sini bukanlah cerita dongeng ataupun 'fairy tale', tetapi keadaan yang sebenar berlaku di kalangan rakyat di Ulu Rajang, di Ulu Kanowit, di Ulu Baleh, di Ulu Katibas dan di Ulu Baram di Sarawak. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat untuk menambahkan peruntukan perbelanjaan untuk perkembangan luar bandar di Sarawak. Tambahan pula, FELCRA, FELDA patut juga meluaskan kegiatan-kegiatan mereka ke Sarawak untuk mempercepatkan proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh beberapa isu berkenaan dengan kesihatan. Rancangan-rancangan kesihatan yang telah disekat pada tahun ini kerana kemelesetan ekonomi telah membawa kesan yang buruk sekali ke atas penduduk-penduduk di luar bandar di Sarawak. Kekurangan perjalanan yang telah dikuatkuasakan ke atas para pegawai Kerajaan dan menghapuskan kemudahan kesihatan yang sedikit yang didapati oleh mereka pada masa dahulu. Apa yang lebih buruk lagi adalah kekurangan klinik desa untuk memenuhi keperluan asas mereka.

Saya telah memerhati dan merasa sangat terkejut bahawa peruntukan untuk kesihatan luar bandar telah dipotong sebanyak lebih kurang \$4 juta

pada tahun ini, \$2.83 juta pada tahun 1984 dibandingkan dengan \$7.18 juta di dalam tahun 1983. Pengurangan ini pada pendapat saya akan menjejaskan rancangan-rancangan kesihatan luar bandar di Negeri Sarawak yang sangat diperlukan pada masa sekarang. Kalaulah ianya polisi asas Belanjawan tahun ini adalah memberikan keutamaan ke atas pembangunan kesihatan supaya mengarahkan kemudahan kesihatan Kerajaan supaya dapat menguntungkan kalangan 'low income' yang paling memerlukannya, adalah benar Sarawak mestilah diberi peruntukan yang besar daripada peruntukan perbelanjaan untuk kesihatan luar bandar tahun ini.

Tuan Yang Dipertua, jumlah sebanyak \$170 juta untuk projek pembangunan tahun ini akan merangkumi 10 buah rumah sakit yang baru, 40 buah klinik dan pusat kesihatan. Saya telah memerhati dan dapati bahawa Bintulu telah tidak termasuk dalam 10 buah rumah sakit yang dirancang tahun ini. Bintulu dengan beribu-ribu juta ringgit wang yang telah dilaborkan di LNG, Pelabuhan Bintulu dan ASEAN Urea Project telah menarik beribu-ribu orang ke Bandar Bintulu dan kemudahan kesihatan di sana telah didapati tidak mencukupi untuk penduduk-penduduknya.

Tuan Yang Dipertua, tahun 1984 nampaknya adalah tahun yang kurang bernasib untuk Bintulu kerana bukan sahaja ia gagal mendapati rumah sakit yang baru, tetapi permintaannya untuk lapangan terbang yang baru juga telah gagal. Setelah usaha dan wang yang banyak yang telah dibelanjakan untuk menyiapkan pusat perusahaan dan perindustrian yang baru untuk Malaysia dengan tujuan untuk menarik lebih banyak lagi perlaburan, saya merasa sangat pelik bahawa Bintulu tidak akan diberi kemudahan-

kemudahan yang dapat mendokong pembangunannya seperti rumah sakit dan lapangan terbang. Adalah jelas dari segi keutamaan Bintulu adalah tidak kurang penting daripada Pulau Langkawi yang akan memperolehi sebanyak \$30 juta untuk lapangan terbang yang baru. Saya berharap simpati Kerajaan kita yang diberi ke atas Pulau Langkawi akan juga diperluaskan ke atas Bintulu.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan mesti mempunyai satu polisi untuk membina rumah-rumah sakit di setiap daerah di negeri Sarawak dan juga schedule untuk mengimplementasikan dasar tersebut. Daerah-daerah seperti Song dan Belaga merupakan daerah yang sangat memerlukan rumah sakit tetapi tidak ada apa-apa yang telah dirancang untuk daerah-daerah tersebut. Saya berharap Kementerian Kesihatan akan meneliti masalah ini dengan lebih serius lagi dan mengadakan rancangan yang tertentu pada masa yang akan datang.

Shipping Industry ataupun Industri Perkapalan. Industri Perkapalan kita yang masih baru lagi perlu seberapa banyak galakan yang boleh untuk menjadikan ia kuat dan boleh hidup berdikari. Oleh itu pengecualian cukai untuk pendapat dan dividen bagi Syarikat-syarikat Malaysia adalah satu perkara yang menggembirakan. Walau bagaimanapun, saya inginlah mencadangkan supaya tarikh kuatkuasa pengecualian tersebut dikebelakangkan kepada tahun penyeliaan 1982 sebagai pengganti 1984 yang dicadangkan. Ini adalah berdasarkan Ucapan Belanjawan tahun 1984 oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di mana beliau mula-mula mengumumkan Cukai Galakan bagi industri perkapalan. Tetapi, Tuan Yang Dipertua, malangnya galakan ini kemudiannya didapati hanyalah untuk syarikat-syarikat perkapalan antara Malaysia yang menjalankan kegiatan

di peringkat antarabangsa. Ini tentulah amat mengecewakan bagi pemilik kapal-kapal persiaran. Sebab lain ialah jika galakan tersebut berkuatkuasa bagi tahun penyeliaan 1984 ia tentu kurang bermakna kerana industri perkapalan ini mengalami kesukaran daripada kemelesetan ekonomi dalam masa dua tahun kebelakangan ini. Banyak daripada pemilik kapal menjalankan kegiatan mereka dengan menanggung kerugian kerana kekurangan dalam pendapatan. Belanja mengurus yang lebih tinggi dan persaingan tambang (freight world).

Tuan Yang Dipertua, satu keluhan yang biasa bagi mereka yang ingin melibatkan diri dalam industri perkapalan ialah kesukaran untuk mendapat pinjaman. Biasanya bank-bank tidak begitu bersedia untuk mengambil sebagai tanggungan harta yang bergerak seperti kapal. Tetapi sekiranya Kerajaan benar-benar ingin hendak membentuk angkatan perkapalan yang kuat adalah menjadi kewajipannya sekarang untuk menentukan cara membiayainya.

Bank Pembangunan Malaysia patutlah dipuji kerana peranannya dalam bidang ini terutama dalam menggalakkan penglibatan bumiputera dalam industri ini. Kerajaan patutlah menggalakkan Bank Pembangunan serta badan-badan kewangan yang lain supaya menambah lagi kegiatan pinjaman mereka dalam bidang ini sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Institusi kewangan tempatan seperti bank dan syarikat kewangan patutlah dipujuk untuk mengambil bahagian yang cergas dari segi pembiayaan dalam kegiatan seperti ini.

Tuan Yang Dipertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa tidak ada sesiapa pun boleh mempertikaikan falsafah asas bagi cadangan Kerajaan untuk mengenakan cukai yang lebih tinggi kepada motokar yang diimport dari luar lebih-lebih lagi bagi jenis yang

mahal. Saya berpendapat masih banyak lagi orang yang dapat membeli kereta-kereta mahal. Mereka dengan cadangan ini hanya diminta menyumbang banyak lagi kepada tabung kewangan Kerajaan tetapi sebelum kita melangkah kepada penggantian import, kita perlu bertanya pada diri sendiri, adakah kita mempunyai pendekatan yang tetap bagi dasar kita.

Dalam soal ini terutama sekali saya ingin merujuk kepada pengeluaran lesen untuk memasang kereta kepada Syarikat-syarikat Malaysia dan kedua, kepada langkah-langkah yang dicadangkan untuk menjaga kepentingan kereta buatan Malaysia.

Syarikat-syarikat yang memasang kereta (assembler), dengan izin, are worried about their future, dengan cadangan untuk menambahkan cukai terhadap CKD mungkin mereka akhirnya akan gulung tikar. Kalaulah keadaan ini berlaku saya khuatir beribu-ribu orang akan kehilangan kerja serta kehilangan pelaburan jangka panjang.

Pelabur-pelabur di Malaysia adalah mengharap untuk meneruskan perniagaan mereka menerusi persaingan yang adil dan saksama. Dalam soal ini saya bercadang supaya kita memberi masa kepada syarikat-syarikat yang memasang kereta yang ada dalam negara kita untuk menyediakan diri mereka untuk menambahkan banyak lagi pembuat tempatan (local content) kepada pembuatan mereka sehingga masa kita perlu menghentikan import alat ganti (vehicle parts) untuk membuat kereta.

Saya berpendapat, Tuan Yang Dipertua, kita juga perlu menyesuaikan strategi pengangkutan kita dalam jangka panjang. Penduduk negara kita makin bertambah dan menyebabkan penambahan dalam kegunaan jalan raya dan perbelanjaan

untuk membuatnya. Dalam kawasan bandar kita perlu merancang sistem perhentian yang berkelompok (mass transit system) seperti yang dicadangkan di negara jiran kita. Saya berpendapat sistem ini akan dapat mengurangkan kesesakan di jalan raya dan juga mengurangkan perbelanjaan untuk mengendalikannya.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat sistem pengangkutan keretapi diperkembangkan di Sarawak untuk mengangkut barang-barang dagangan dan juga penduduk-penduduk tempatan. Sistem ini patut diperkembangkan sebagai satu cara untuk menambah baik pengangkutan yang ada di negeri kita.

Tuan Yang Dipertua, kemelesetan ekonomi dunia tetap telah melemahkan ekonomi kita tetapi ia telah mengajar kita banyak pelajaran yang baik, mereka mengajar kita untuk berjimat-cermat. Hidup menurut keupayaan kita dan mengurus apa-apa sumber-sumber kita yang ada secara terbaik. Oleh yang demikian, kita sedar bahayanya pembaziran. Oleh kerana kemelesetan ekonomi, Kerajaan kita mengambil strategi baru dan positif untuk menjaga ekonomi negara kita.

Saya percaya dasar-dasar Malaysia mengenai privatisation, Malaysia Incorporated System dan Dasar Pandang ke Timur adalah by-product kemelesetan ekonomi dunia. Umpamanya, saya berharap Kerajaan akan menitikberatkan pengajaran dari fiasco BMF yang malang itu di Hong Kong bahawa adalah merbahaya untuk menyimpankan atau melabur terlalu banyak wang dalam satu institusi, juga memberi terlalu banyak kuasa dalam tangan beberapa orang sahaja pun dangerous.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kerajaan bahawa dalam pelaksanaan dasar

pengswastaan adalah sama merbahaya menyalurkan terlalu banyak projek kepada satu institusi, satu golongan, satu syarikat dan satu individu.

Dengan ini saya pun menyokong Belanjawan 1984.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.49 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillah-hirrahman-nirahim.

Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan Negara 1984 ini yang berjumlah sebanyak \$27, 691.7 juta yang merangkumi Belanja Mengurus sebanyak \$19,015.9 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak \$8,675.8 juta.

Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah, rahmat dan nikmatNya maka sekalipun negara kita berada di dalam ruang kemelesetan ekonomi dunia yang berterusan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun bahangnya tidaklah begitu dirasai oleh negara kita jika dibandingkan dengan apa yang dialami oleh setengah-setengah negara di dunia ini.

Ini dapat dibuktikan dengan keteguhan nilai mata wang kita dalam pasaran wang antarabangsa. Kita berdoa semoga rahmat dan nikmat yang kita perolehi akan terus kekal dan bertambah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, kejayaan ini bukanlah datang seperti kata pepatah Melayu yang bulat datang menggolek dan yang pipih datang melayang. Nikmat yang kita alami itu selain daripada adanya penemuan-penemuan yang baharu, sumber-sumber hasil yang baharu seperti telaga minyak atau gas, di Sabah, Terengganu dan

sebagainya dan selain daripada itu faktor kejayaan kita kerana adanya keupayaan Kerajaan Barisan Nasional mengujudkan suasana negara yang aman dan tenteram serta keadaan politik negara yang setabil.

Inilah di antara faktor-faktor utama yang dapat melindungi negara dan rakyat daripada dilanda oleh wabak kemelesetan yang teruk dan parah.

Tuan Yang Dipertua, hakikat ini mungkin boleh dinafikan oleh sesiapa juga tetapi sudah pasti mereka tidak dapat membohongi sejarah.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan suasana ekonomi dunia yang masih belum stabil dan sukar pula untuk diramalkan oleh pakar-pakar ekonomi dunia sehingga menimbulkan sedikit sebanyak kesan ke atas kestabilan ekonomi negara akibat harga barangan yang rendah dan keadaan pasaran yang lembap menyebabkan kekurangan sumber pendapatan negara dan menjejaskanimbangan pembayaran negara, maka saya berpendapat bahawa pada umumnya Anggaran Belanjawan Negara 1984 ini amatlah berpatutan dan sederhana.

Tuan Yang Dipertua, melihatkan struktur anggaran belanjawan ini, sukalah saya mengalu-alukan kerana ianya dirangka dan disusun begitu rupa dengan tujuan jangka panjang untuk memelihara kepentingan ekonomi negara pada keseluruhannya. Dengan meneruskan dasar pengawalan dan penjimatan perbelanjaan di samping akan terus berusaha mengenalpasti setiap projek yang telah dirancang supaya ianya benar-benar dapat dimanfaatkan dan serentak dengan itu kepentingan golongan yang berpendapatan rendah terus diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan

khususnya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan sekalian pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementeriannya juga kepada semua pihak yang telah memerah tenaga serta segala keupayaan mereka sejak berbulan-bulan yang lalu bagi menyediakan anggaran belanjawan negara 1984 ini.

Tuan Yang Dipertua, langkah Kerajaan mengawal perbelanjaan awam selaras dengan hasil negara agar kadar faedah sebenar dan inflasi dapat dikekalkan pada tahap yang rendah amatlah dihargai, kerana dengan yang demikian akan membantu ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang stabil. Di samping itu Kerajaan juga mestilah mengambil tindakan yang positif dalam mengatasi masalah-masalah struktur ekonomi seperti pasaran bubuh yang kian rumit terutama di sektor pertanian. Bayaran upah sebenar yang terlalu tinggi, daya pengeluaran yang rendah serta subsidi perusahaan yang kurang cekap dan merosot agar kemelesetan yang berpanjangan dapat di atasi bagi membantu memperteguhkan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan di waktu-waktu yang akhir ini walaupun tidak begitu ketara tetapi terdapat begitu ghairah setengah-setengah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan di sektor awam dan Badan-badan Berkanun cuai di dalam menguruskan wang seperti yang tersebut yang tersibar di dalam berita-berita ataupun di akhbar-akhbar dan sebagainya. Juga terdapat dikesan dari laporan-laporan Juraudit di peringkat Negeri-negeri dan Persekutuan maka saya mencadangkan bahawa sudah tibalah masanya pihak Kerajaan mengkaji semula sistem pengawalan perbelanjaan wang awam di negeri ini supaya setiap sen yang dibelanjakan itu benar-benar menepati sasaran untuk

dimanfaatkan di samping membasmi sifat-sifat boros, tidak amanah dan tidak bertanggungjawab, tindakan ini amat perlu dan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengamalkan konsep Cekap, Bersih dan Amanah.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu mereka yang gagal mematuhi sebarang peraturan kawalan itu mestilah dikenakan hukuman yang wajar sekurang-kurangnya suatu tindakan tatatertib mesti diambil supaya benih-benih sifat yang keji di kalangan kakitangan Kerajaan dapat dikikis dari amalan hidup mereka.

Tuan Yang Dipertua, seperkara lagi jika dilihat dari jumlah peruntukan bagi bayaran gaji untuk guru-guru, kakitangan awam dan Badan-badan Berkanun yang berjumlah \$7,039 juta merupakan komponen terbesar sebanyak 37% dalam peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1984. Peruntukan ini merupakan tambahan sebanyak 6.74% berbanding dengan peruntukan sebanyak \$6,542 juta dalam tahun 1983. Pertambahan ini amat perlu dan wajar demi untuk memperbaiki untuk memberi sebaik-baik perkhidmatan kepada rakyat dan negara. Namun demikian usaha-usaha yang lebih berkesan ke arah mempertingkatkan daya kepimpinan yang bersemboyan konsep Kepimpinan Melalui Tauladan mestilah diteruskan dengan langkah-langkah yang lebih bermakna.

Daya pengeluaran yang tinggi berlandaskan konsep Cekap, Bersih dan Amanah di kalangan masyarakat pegawai dan kakitangan di sektor awam dan Badan-badan Berkanun mestilah dipertingkatkan agar suatu masyarakat pegawai dan kakitangan yang berquality tinggi lagi bermaruah dapat diwujudkan di negara ini. Kerajaan mestilah berupaya menyedarkan mereka bahawa jawatan yang mereka sandang itu bukanlah

suatu hadiah kerana kegeligaan otaknya, atau kecerdasan fikirannya sehingga mereka menjadi begitu angkuh dan sombong serta sanggup melakukan apa sahaja dengan membelakangkan kepentingan negara dan kepentingan rakyat. Jawatan yang mereka sandang itu adalah lebih merupakan suatu amanah Allah, untuk membolehkan mereka memberikan sumbangan yang bermakna kepada kepentingan rakyat dan negara dengan penuh jujur dan ikhlas atau dengan lain-lain perkataan kerana Allah semata-mata.

Tuan Yang Dipertua, namun demikian kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang benar-benar bekerja dengan penuh jujur dan bertanggungjawab seperti yang diredai Allah. Tetapi kita tidak mahu sebab nila setitik, rosak susu sebelanga. Lebih-lebih lagi kita tidak mahu lain bengkak, lain bernanah; lain yang makan nangka, lain yang kena getah.

Tuan Yang Dipertua, pegawai dan kakitangan Kerajaan merupakan satu komponen masyarakat yang terpenting dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Oleh itu pengetahuan akademik yang tinggi semata-mata belum memadai. Ianya mestilah disertai dengan nilai akhlak yang terpuji seperti jujur, ikhlas, rajin, bersopan santun, tabah, sabar dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, berasaskan hakikat di atas, masanya telah tiba bagi Kerajaan mengkaji semula sistem pemilihan kakitangan atau pegawai-pegawainya di masa hadapan.

Tuan Yang Dipertua, saya mengesyorkan dalam pemilihan pegawai dan kakitangan Kerajaan di masa hadapan, keutamaan hendaklah diberikan kepada mereka yang berpengetahuan dan tinggi nilai akhlaknya. Oleh itu, pihak Kementerian Pelajaran perlulah

menyusun semula sistem mencatat rekod kelakuan dan aktiviti murid-murid di sekolah atau mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Bentuk rekod itu hendaklah cantik dan boleh disimpan seperti pasport perjalanan dan ianya hendaklah dianggap sama pentingnya dengan kelulusan akademik dan hendaklah dibawa bersama-sama setiap kali mereka menghadiri temuduga bagi memohon sesuatu jawatan. Pencatat rekod mestilah berhati-hati dan jujur serta bertanggungjawab kerana ianya akan menentukan nasib masa depan seseorang itu. Tuan Yang Dipertua, langkah seperti ini akan dapat memberikan kesedaran kepada anak-anak kita di masa hadapan, di mana mereka diberi satu latihan mengawal diri.

Sikap berusaha mengawal diri sendiri ini adalah suatu yang paling berkesan lagi membina dalam usaha membentuk sesebuah masyarakat yang bertanggungjawab. Langkah ini juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1984, diperuntukkan sebanyak \$8,675.8 juta (\$8,676 juta) termasuk simpanan luar jangka sebanyak \$600 juta. Ini bermakna berkurangan sebanyak 26%, jika dibandingkan dengan peruntukan sebanyak \$11,670 juta pada tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, mengikut laporan yang tercatat dalam Laporan Ekonomi 1983-1984 bahawa projek yang akan dilaksanakan berasaskan sumbangan besarnya terhadap pertumbuhan ekonomi yang berterusan, pengagihan pendapatan yang saksama dan pengwujudan peluang pekerjaan, sementara projek-projek yang kurang penting akan dilaksanakan dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, berasaskan laporan itu saya merasa bimbang dalam menentukan jenis-jenis projek yang penting dan kurang penting itu, faktor keadilan sosial tidak akan diambil kira. Maksud saya keperluan asas bagi penduduk-penduduk miskin di kawasan luar bandar khususnya mereka yang tinggal di pendalaman.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan mestilah menerima hakikat bahawa sejak 26 tahun negara mencapai kemerdekaan masih kedapatan mereka yang tinggal jauh di pendalaman sejak turun temurun di kampung-kampung tradisional yang tidak pernah berjalan di atas jalan kampung yang selesa. Mereka masih meredah hutan belantara, jalan-jalan denai yang berlumpur dan becak. Pakaian anak-anak mereka sentiasa kotor dan comot setiap kali berulang alik ke sekolah, lebih-lebih lagi di musim tengkujuh. Hasil pengeluaran pertanian mereka tidak dapat diangkut untuk dipasarkan. Sebaliknya mereka terus menjadi mangsa orang tengah bak kata pepatah—kerbau yang membajak sawah, kuda yang makan padi. Demikianlah nasib mereka.

Tuan Yang Dipertua, sejak sekian tahun negara merdeka, mereka masih meminum air tidak bersih dan kadangkala keputusan bekalan air terutama di musim kemarau, mereka terpaksa berjalan kaki berbatu-batu untuk mendapat bekalan air untuk minum dan lain-lain kegunaan. Kadangkala mereka itu terkorban akibat serangan wabak taun.

Tuan Yang Dipertua, saya merayu, janganlah Kerajaan menunggu untuk rakyat membayar harga yang terlalu mahal bagi mendapat sesuatu kemudahan asas. Maksud saya apabila kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan wabak taun kerana meminum air yang mengandungi kuman penyakit taun, barulah Kerajaan bergegas berikhtiar mengatasi keperluan air di

situ menerusi Jabatan Kerja Air dengan membawa tangki-tangki air ke kawasan itu dan akhirnya satu projek perbekalan air akan diadakan di situ setelah 4-5 orang rakyat yang daif itu terkorban. Mereka terpaksa membayar dengan nyawanya untuk mendapat bekalan air yang bersih.

Tuan Yang Dipertua, walaupun Kerajaan berupaya memberikan kemudahan pelajaran kepada anak-anak mereka itu, bagaimana kita dapat mengharapkan tingkatan pencapaian pelajaran yang tinggi jikalau anak-anak mereka terpaksa berjalan kaki berbatu-batu ke sekolah dalam keadaan jalan yang becak dan berlumpur—turun pukul 5.00 pagi dan balik pukul 7.00 malam ke rumah kerana kesukaran pengangkutan. Dan apabila menghadapi pelajaran di rumah dalam kelipan lampu minyak yang malap.

Walaupun Kerajaan ada sekolah berasrama penuh, apakah ertinya kepada mereka yang mendapat 5A atau 5B dalam pencapaian Peperiksaan Darjah V.

Tuan Yang Dipertua, saya membawa perkara ini bukanlah satu perkara yang diada-adakan atau direka-rekakan. Ianya benar-benar belaku di dalam negara kita ini. Saya berharap masanya telah tiba bagi Kerajaan membuat kajian yang terperinci dan tindakan yang positif. Segala keperluan yang sangat-sangat diperlukan oleh mereka yang kurang bernasib baik itu semoga penderitaan batin mereka selama ini akan terubat, demi untuk keadilan sosial yang sejati.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh berkenaan dengan konsep Persyarikatan Malaysia yang diilhamkan dari konsep Memandang Ke Timur anjuran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, pada hemat saya adalah satu konsep yang baik lagi membina. Bukanlah ianya

sebagai satu selogan kosong seperti yang dianggapkan oleh setengah-setengah orang di Dewan yang mulia ini. Konsep ini mempunyai falsafah yang tinggi mutu atau nilainya dalam konteks pembangunan negara. Konsep ini lebih merupakan jambatan atau tali perhubungan di antara pihak pegawai di sektor awam dan mereka di sektor swasta. Dalam menjalinkan persefahaman, saling mengerti, bantu membantu, tolong menolong dan hormat menghormati di antara satu sama lain. Kalau konsep ini dapat diterjemahkan menjadi kenyataan, maka ianya sudah pasti akan dapat membantu memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara.

Menyentuh berkenaan dengan industri berat, saya menyokong langkah Kerajaan untuk mengadakan industri berat di negara kita ini kerana memandangkan kepada beberapa faktor dari pengalaman-pengalaman yang lalu bahawa dari segi aktiviti ekonomi negara kita di mana kita terlalu bergantung kepada pendapatan negara yang berunsurkan hasil eksport bahan mentah dan juga manakala melihat kepada trend pemuda-pemudi kita sekarang ini yang tidak lagi mempunyai kecenderungan di lapangan pertanian ini, maka adalah konsep untuk menjadikan masyarakat Malaysia sebagai satu masyarakat industri ini amat wajar diketika ini. Akan tetapi kita berharap dengan adanya industri berat di negara ini sudah tentulah akan tumbuh industri-industri sokongan di merata-rata tempat di dalam negara ini.

Apa yang diharapkan supaya dari segi taburan industri-industri ini hendaklah diberikan secara lebih adil, janganlah ditumpukan atau dibenarkan bertumbuh di sesuatu kawasan sahaja. Dengan adanya taburan industri yang menyeluruh atau di kawasan yang banyak, maka sudah tentulah kita akan dapat memberi peluang yang lebih untuk pembangunan kawasan-kawasan yang

kurang maju. Dan kita berharap selain daripada beberapa syarat-syarat yang dikenakan kepada mana-mana pengusaha di bidang industri di negara ini, jika belum ada lagi, patutlah difikirkan supaya walaupun tidak boleh dijadikan satu syarat gunakanlah segala budi bicara dengan penuh bijaksana agar pihak majikan setiap perusahaan itu hendaklah mengadakan satu skim latihan kepada kakitangannya, sama ada di peringkat mahir atau separuh mahir supaya kita bukan sahaja akan berjaya memindahkan teknologi tinggi ke negara ini akan tetapi serentak dengan itu kita juga dapat memindahkan kemahiran teknologi tinggi atau rendah ke negara kita. Langkah ini amatlah perlu kalau kita berazam untuk mengekalkan satu kejayaan yang berterusan di lapangan industri di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, setelah kita berjaya di bidang industri berat ini sudah pastilah beberapa perkara-perkara yang akan timbul yang menjadi masalah kepada negara iaitu masalah kepentingan pekerja-pekerja di lapangan industri ini. Apa yang ingin saya sarankan di Dewan yang mulia ini selain daripada memikirkan soal-soal untung ruginya, Kerajaan seharusnya tidak melupai nasib dan masa depan masyarakat pekerja di industri itu. Mereka adalah merupakan nadi penggerak utama kepada setiap industri itu. Oleh itu kepentingan sosio-ekonomi serta moral mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan memastikan bahawa di setiap ladang industri itu hendaklah diadakan suatu kawasan kediaman setiap para pekerja itu sama ada mereka yang dianggap mahir atau separuh mahir atau buruh kasar dan kawasan itu hendaklah dilengkapi dengan segala kemudahan asas serta padang rekreasi. Dengan

yang demikian apa yang diperkatakan oleh masyarakat tentang moral pekerja-pekerja kilang itu dapat diatasi kerana mereka tinggal di dalam satu kawasan yang lebih selamat dan terjamin, dan mereka juga patut diberi peluang menyertai perusahaan itu secara memberi ekuiti saham yang berpatutan agar "Semangat Kekitaan" dapat diwujudkan dalam masyarakat industri itu sendiri seperti yang dibuat oleh setengah-setengah negara industri di dunia ini. Dengan adanya "Semangat Kekitaan" ini, mereka akan lebih tekun bekerja sebagai perusahaan mereka sendiri malah akan lebih memberi satu jaminan masa depan yang lebih gemilang.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu cadangan duti import ke atas kereta-kereta yang belum siap dipasang, dinaikkan dari kadar 15% kepada 25%; duti import ke atas kereta-kereta yang siap dipasang dinaikkan sebanyak 10% bagi setiap kategori harga di bawah struktur duti import yang ada sekarang dan cadangan supaya kereta-kereta yang bernilai lebih \$40,000 dinaikkan dari 200% kepada 260%. Memandangkan tujuan cukai ini duti ini bertujuan untuk menyediakan satu pasaran yang terjamin dan melindungi projek kereta kebangsaan di masa hadapan, maka saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Tetapi kita berharap Kerajaan tidak akan menghampakan rakyat dengan mutu pembuatan kereta kebangsaan yang jauh lebih rendah daripada kereta-kereta yang diimport dari luar negeri, dan kalau boleh harganya juga mestilah berpatutan supaya ramai orang dapat memilikinya sebagai satu kebanggaan maruah diri.

Tuan Yang Dipertua, saya amat tertarik dengan galakan cukai untuk industri perkapalan. Kejayaan kita di bidang perkapalan ini sudah pasti dapat membantu memperbaiki imbalan pembayaran negara di masa hadapan. Di samping itu akan memberi

suatu harapan masa depan yang lebih cerah ke atas pengeksporan barang keluaran Malaysia ke luar negeri di masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap jika tawaran ini tidak mendapat sambutan yang positif dari mana-mana pihak, Kerajaan patutlah berikhtiar menubuhkan suatu syarikat perkapalan di peringkat negara-negara ASEAN, sekurang-kurangnya dapat memenuhi keperluan sendiri tanpa bergantung kepada belas ehsan negara-negara maju atau pedagang-pedagang asing di dunia ini.

Tuan Yang Dipertua, konsep penswastaaan yang disarankan oleh Kerajaan pada lahirnya amat baik dan membina, kerana dengan penswastaaan itu Kerajaan akan dapat meringankan bebanan perbelanjaan mengurus yang kian bertambah tahun demi tahun. Tetapi Kerajaan juga hendaklah teliti dan bercermat. Kita tidak boleh melihat kesan-kesan positif sahaja, kita juga mesti melihat dari sudut kesan-kesan negatifnya.

Misalnya, jika Kerajaan bersetuju untuk menswastakan sesebuah jabatan, umpamanya Keretapi, harga yang akan ditawarkan sudah tentu akan berada dalam lingkungan beribu-ribu juta ringgit. Oleh itu dimanakah modal yang akan diperolehi oleh pihak yang akan menerima tawaran itu, tidak lain dan tidak bukan ia mesti membuat pinjaman. Mungkin tidak ada mana-mana institusi kewangan di negara ini yang mampu memberikan pinjaman. Jika tidak dapat daripada pinjaman dalam negeri, sudah pasti pinjaman luar negeri mesti dibuat. Jika ini berlaku, sudah tentu akan memburukkan lagi imbalan pembayaran negara yang sudah begitu buruk. Selain daripada itu bagaimana cara penyerapan ke atas semua pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan yang akan diswastakan itu. Begitu juga kuasa pengendalian itu mestilah dijamin supaya tidak

bertentangan dengan semangat Dasar Ekonomi Baru negara yang menjadi matlamat utama perjuangan rakyat negara ini. Pendeknya, suatu kajian yang mendalam perlu dibuat sebelum sesuatu jabatan Kerajaan itu diswastakan.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga mencadangkan duti import yang dikenakan ke atas perakam-perakam video dan tape video dikurangkan sebanyak 15% dan semua duti-duti ke atas tape video dihapuskan, kecuali cukai jualan dan cukai tokok ke atas perakam video. Langkah ini adalah dialu-alukan kerana ini akan memberikan manfaat kepada institusi-institusi pelajaran di negara kita, juga untuk kepuasan rohani manusia terutama di kalangan muda-mudi kita. Tuan Yang Dipertua, akan tetapi kita hendaklah merenung juga dari sudut kesan-kesan negatifnya supaya kita dapat mengatasinya sebelum ianya merebak.

Tuan Yang Dipertua, di masa-masa kebelakangan ini apabila Kerajaan membenarkan penubuhan mini pawagam banyak di antara pengusaha-pengusaha mini pawagam ini telah mengambil kesempatan untuk melariskan perniagaan-perniagaan mereka dengan membawa pita-pita video yang lucah yang diseludup dari luar negeri. Oleh itu Kerajaan hendaklah mengambil perhatian yang serius agar Lembaga Penapis pita-pita rakaman video dan lain-lain ini sentiasa membuat gerakan susulan dan pengawasan yang rapi serta syarat-syarat yang lebih ketat kepada pengusaha-pengusaha rakaman pita video ini supaya mereka tidak terlalu memandangkan keuntungan daripada kepentingan moral dan keharmonian masyarakat. Mereka-mereka yang didapati bersalah mestilah dikenakan hukuman yang berat seperti membatalkan lesen perniagaan dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga bercadang untuk menghapuskan duti eksport atas buah-buahan tempatan. Ini adalah satu langkah yang seharusnya disanjung oleh petani-petani. Kita berhadap pihak agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan masalah pertanian hendaklah mengambil kesempatan menggalakkan serta atau memberi apa-apa khidmat nasihat kepada petani-petani di luar bandar yang mempunyai kawasan-kawasan tanah yang belum dimajukan supaya tampil ke hadapan merebut peluang ini iaitu dengan menanam pokok-pokok buah-buahan yang bermutu tinggi bagi menambah pendapatan mereka. Pihak MARDI juga patut berupaya menyediakan benih-benih yang bermutu tinggi dan dijadualkan dengan harga yang berpatutan untuk keperluan petani-petani di luar bandar. Dan pihak FAMA pula mestilah merancang kaedah-kaedah pasaran yang lebih terjamin apabila tiba ketika yang diperlukan.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh masalah keselamatan negara di masa hadapan, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berkaitan dengan dadah.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Polis Diraja Malaysia khususnya kepada Cawangan Anti Dadah yang telah banyak memberikan khidmat yang cemerlang bagi membendung kegiatan pengedar-pengedar dadah di negara ini. Sudah berpuluh-puluh ribu gram heroin, candu dan ganja yang boleh memusnahkan beratus-ratus ribu jiwa manusia dapat diselamatkan.

Terima kasih juga kepada pihak PEMADAM dan Kementerian Kebajikan Masyarakat atas daya usaha mereka bagi memulih dan menyelia ke atas penagih-penagih dadah di negara kita. Tuan Yang Dipertua, untuk menjadikan usaha mereka ini lebih bermakna kepada penagih-penagih

dadah dan keselamatan negara, maka saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan akan mengkaji dengan serius bagi mengadakan satu pusat penempatan yang dapat memberikan suatu harapan baru kepada masa depan penagih-penagih dadah yang sudah dipulihkan di pusat-pusat pemulihan sebelum mereka dapat diterima ke pangkuan masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, untuk tujuan itu suatu kawasan patutlah disediakan sebagai projek percubaan (pilot project) dan di kawasan itu hendaklah dirancang dengan teliti supaya seluruh belanja membiayai projek itu kelak dapat ditanggung dengan hasil gunatenaga penagih-penagih dadah itu sendiri. Manakala mereka yang benar-benar sudah pulih dan dapat meyakinkan maka barulah mereka dibenarkan balik kepangkuan masyarakat masing-masing. Langkah ini perlu supaya dapat mengelakkan penderitaan batin yang seringkali dialami oleh penagih-penagih yang keluar daripada pusat-pusat pemulihan. Mereka-mereka ini apabila berada di dalam pangkuan masyarakat seringkali mereka dicemuh dan diketepikan oleh masyarakat. Berbagai-bagai prasangka telah ditimbulkan sehingga menyebabkan ianya berbalik semula kepada tabiat yang lama sebagai penagih-penagih dadah, dan ini akan menyeretkan rakan-rakan yang lain mengikut tabiat yang terkutuk itu. Akhirnya akan menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial di dalam masyarakat-masyarakat yang dulunya begitu damai dan harmoni. Sekiranya projek percubaan ini berjaya mungkin kita akan terus meluaskan projek ini bagi keperluan keselamatan rakyat dan negara seluruhnya. Bak kata pepatah "sekali mengorak pura, dua tiga hutan langsung; sekali mengorak dayung, dua tiga kali pulau terlepas."

Tuan Yang Dipertua, akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan

atas inisiatifnya untuk memperbaiki akaun dagangan imbalan bayaran dan mencatatkan sebanyak \$2.8 ribu juta dan boleh memberi sumbangan utama kepada prestasi ekonomi negara. Kerana dengan prestasi yang lebih baik yang mencerminkan masa depan yang lebih baik bagi harga barangan eksport kita dan kadar pertumbuhan import yang menurun. Keadaan yang seumpama itu sudah tentu akan membawa satu harapan yang lebih menyakinan dalam usaha memberikan khidmat yang lebih cemerlang kepada rakyat dan kemakmuran negara apabila menjelang matahari diupuk timur pada 1hb Januari, 1984 kelak.

Dengan ini sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya anggaran perbelanjaan negara 1984 ini. Wabillahitaufik Walhidayah, Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Tumpat.

5.28 ptg.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan yang amat tinggi dan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberikan keizinan serta kesempatan untuk saya melahirkan sepatah dua pendapat untuk renungan kita bersama.

Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya sejak persidangan Dewan yang mulia ini dimulakan apa yang dapat saya perhatikan ialah betapa sesekali ianya kelihatan sebagai gelanggang politik untuk parti pembangkang dalam usaha mendapatkan publisiti murah dengan cara menjatuhkan pemimpin-pemimpin Kerajaan. Ini jelas, Tuan Yang Dipertua, terbukti apabila Ketua Pembangkang, parti DAP yang kononnya mahu jadi hero dalam

permasalahan nasib rakyat, meskipun itu merupakan omong kosong, telah berani menjatuhkan air muka pemimpin-pemimpin Kerajaan terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana ucapan Ketua Pembangkang daripada DAP telah menimbulkan satu perkataan kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah jahil dalam menyelesaikan masalah-masalah negara. Akan tetapi yang jelas dan pasti dalam usaha memancing publisiti murah ini ternyata apa yang dibawa dalam isu BMF oleh Ketua Parti Pembangkang baru-baru ini ternyata bagaimana sikapnya yang keterlaluan dengan tuduhan demi tuduhan yang dilemparkan sebegitu rupa kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya akan bersetuju jika pemimpin dari pembangkang itu mengutarakan pendapat serta pandangan, seperti betapa perlunya di mana pada masa-masa yang akan datang supaya perlantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam mana-mana agensi Kerajaan diteliti terlebih dahulu, latar belakang dan sikap mereka secara terperinci dan secara detail. Akan tetapi tidak ada pendapat yang bernas yang dilahirkan sebagai panduan bagi pihak Kerajaan dalam menyelesaikan masalah-masalah negara seperti BMF itu.

Malahan, Tuan Yang Dipertua, peluang berucap yang diambil dalam Dewan ini cuba diperlakukan dengan mengambil kesempatan untuk menyenaraikan masalah-masalah yang ada sehingga boleh menimbulkan masalah yang lain lagi.

Tuan Yang Dipertua, dalam membicarakan soal BMF ini saya kira buat masa ini tindakan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara membuat kenyataan terbuka adalah satu tindakan yang paling bijaksana dan perlu disanjung.

Ini disebabkan ianya melibatkan rakyat keseluruhannya, kerana sebagaimana yang kita maklum bilangan rakyat di negara ini yang berurusan dengan Bank Bumiputra adalah amat ramai.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, isu BMF ini bukanlah mustahak sangat sehingga ianya perlu dibincangkan di Dewan yang mulia ini terpaksa pula mengambil masa yang agak panjang. Ianya saya kira tidak lebih merupakan satu tindakan yang dilakukan oleh segelintir manusia yang diberikan kepercayaan tetapi mengambil kesempatan untuk kepentingan diri mereka sendiri. Oleh itu biarlah masalah BMF ini diputuskan oleh pihak Kerajaan sendiri.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan dalam merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan yang telah membentangkan belanjawan negara baru-baru ini di mana ianya benar-benar memperlihatkan serta mencerminkan betapa Kerajaan yang ada hari ini adalah lebih mengutamakan kepentingan serta kesejahteraan rakyat keseluruhannya di samping menjamin kestabilan politik dan negara.

Ini jelas terbukti di mana dalam belanjawan negara baru-baru ini kenaikan kadar cukai tidak banyak melibatkan rakyat pertengahan, sebaliknya bagi mereka yang terdiri daripada orang-orang kaya, orang-orang yang mewah yang mempunyai kereta yang berharga mahal serta mempunyai rumah-rumah yang besar dan rumah-rumah rehat di luar negeri. Mereka terpaksa membayar sedikit cukai daripada hasil kemewahan-kemewahan dan usaha yang mereka lakukan sehingga mereka berjaya mencapai kepada tingkat itu. Dengan ini saya kira, terbuktilah bahawa

betapa Kerajaan lebih mementingkan pembelaan terhadap rakyat. Walau bagaimanapun, apa yang menjadi kesalan bagi pihak saya ialah wujudnya apa yang dinamakan kebocoran rahsia dalam Jabatan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, ini jelas terbukti di mana seminggu sebelum belanjawan negara ini dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini akhbar-akhbar tempatan dan media-media dari luar negeri telah pun membuat speculate terhadap beberapa kenaikan harga barang di negara ini, di mana dalam jangkaan saya walaupun ianya berbentuk ramalan namun jelas telah membayangkan betapa berlakunya kebocoran dalam maklumat yang boleh diambil kira sebagai rahsia Kerajaan.

Apa yang membuat saya merasai kesal ialah akibat dari kebocoran tersebut ternyata kelihatan ramai orang berlumba-lumba berusaha untuk mendapatkan paspot antarabangsa sebelum belanjawan negara dibentangkan serta mereka juga berlumba-lumba membeli barangan seperti membeli kereta dan alat-alat yang lain yang diramalkan naik, hasil daripada kebocoran rahsia itu sehingga pihak JPJ kita lihat tersebar dalam akhbar tempatan dua, tiga hari sebelum itu terpaksa membuat berbagai notis untuk menyelesaikan masalah ramainya mereka yang hendak mendaftarkan kereta-kereta mereka yang baru dibeli.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya berharap benarlah dan secara sungguh-sungguhnya bahawa kawalan yang lebih ketat perlulah dilakukan atau tindakan yang seumpama itu bagi menjamin rahsia-rahsia Kerajaan perlu dilaksanakan di samping pihak yang bertanggungjawab dalam mengawal rahsia tersebut membuat satu siasatan lanjut serta mengambil tindakan tegas terhadap apa yang kita sifatkan sebagai kebocoran rahsia Kerajaan.

Menyentuh tentang belanjawan negara ini, saya ingin agar pihak Dewan memastikan supaya kawalan harga barangan di negara ini dikawal dengan rapi dan ketat agar tidak ada pihak yang mengambil kesempatan menindas rakyat atau lebih tepat lagi mengaut keuntungan secara kejam ke atas rakyat di negara ini.

Apa yang saya kesalkan ialah sikap peniaga-peniaga terhadap kenaikan harga barang. Mereka seolah-olah bersikap macam main tarik tali. Bila sahaja Kerajaan mengisytiharkan sesuatu barang itu dinaikkan dengan harga baru maka keesokan paginya meskipun tarikh sebenar belum tiba lagi dalam pelaksanaan harga baru itu namun tuanpunya kedai terus sahaja menaikkan harga barangnya sedangkan barang-barang tersebut merupakan barangan dalam stok yang lama. Sebaliknya apabila Kerajaan mengumumkan harga sesuatu barangan itu diturunkan maka mereka memberi berbagai alasan untuk melambatkan kadar penurunan harga barangan yang ada di kedai mereka. Secara tidak langsung rakyat telah tercebak dalam kancah kezaliman kaum pedagang atau peniaga di negara ini.

Oleh itu saya harap Dewan yang mulia ini dan pihak-pihak yang berkenaan menetapkan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya terus memelihara dan memastikan kadar senarai harga barangan bertepatan selaras dengan kadar harga yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, kita juga mengalu-alukan langkah mengurangkan beberapa jenis cukai impot seperti video. Dalam hubungan ini, utamanya yang berhubung dengan video ini, saya meletakkan suatu kebimbangan terhadap gejala-gejala buruk yang akan wujud di kalangan orang ramai utamanya di kalangan-

kalangan anak muda. Walaupun Yang Berhormat dari Padang Rengas baru sekejap tadi telah menimbulkan bahawa kemungkinan bahawa dengan mengurangkan import video ini dapat memberi suatu makanan rohani kepada masyarakat kita utamanya di kalangan golongan menengah tetapi kerohanian yang dimaksudkan itu sekiranya boleh menimbulkan khayal, boleh menimbulkan kelalaian dan boleh menimbulkan leka maka ini satu perkara yang tidak patut digalakkan.

Kekuatiran ini saya timbulkan kerana hari ini ternyata filem-filem video tersebar begitu luas dan agak asing daripada budaya kita. Filem-filem video itu boleh didapati di mana-mana dan filem-filem video itu hari ini dalam keadaan video yang begitu mahal pun masyarakat kita utamanya di kalangan anak-anak muda sehingga anak-anak muda di luar bandar pun tahu memikul video dengan filemnya membawa ke tempat-tempat yang jauh dari orang dewasa.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang Dipertua, di samping kita mengurangkan harga video, secara sesungguhnya kita minta kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengambil perhatian perkara ini untuk memperketatkan kemasukan filem-filem yang bercanggah dengan dasar kebudayaan nasional supaya tidak wujud budaya video yang asing daripada kita di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha mengurangkan secara lebih berkesan bilangan golongan miskin yang berpendapatan rendah di negara ini, banyak perkara yang boleh dibuat dan dilaksanakan bagi tujuan menambah pendapatan ataupun mengurangkan perbelanjaan mereka.

Hari ini, Tuan Yang Dipertua, golongan miskin yang berpendapatan rendah yang terdiri daripada buruh, petani, nelayan dan sebagainya tidak mempunyai peluang mendapatkan

rumah ataupun tempat tinggal sendiri. Ramai di antara mereka masih tidak mempunyai keperluan-keperluan asas yang paling mustahak iaitu tempat tinggal. Kebanyakan daripada mereka terutamanya di kalangan nelayan-nelayan masih membuat bangsal yang kecil di atas tanah orang dengan memberi sewa tahunan kepada tuan tanah. Rumah-rumah murah yang ditawarkan oleh Kerajaan sehingga hari ini pada hemat saya golongan buruh, petani, nelayan dan sebagainya ini masih tidak mampu untuk mereka memilikinya kerana walaupun ia dikatakan murah dan diistilahkan sebagai murah dan dianggap sebagai murah tetapi ia masih mahal untuk golongan miskin.

Tuan Yang Dipertua, kerana itu saya cadangkan bagi tujuan membantu golongan miskin seperti nelayan ini Kerajaan hendaklah menyediakan tanah dan dibagikan kepada mereka dan menyediakan kayu menurut kadar seperti yang pernah diberikan dalam bentuk RPK dahulu.

, Tuan Yang Dipertua, satu rancangan RPK di kawasan saya Tumpat, pada hemat saya adalah berjaya untuk menyelesaikan sedikit-sebanyak golongan-golongan nelayan ini. Kerana di kawasan saya banyak mempunyai pulau-pulau tumbuh di Kuala Tumpat dan pulau-pulau ini dibiarkan begitu rupa sehingga naik tumbuh-tumbuhan dan naik pokok-pokok yang tidak berguna. Dalam satu kawasan di pulau 50 buah rumah RPK telah diberi kepada nelayan dan mereka dapat menikmatinya dengan sempurna. Alangkah baiknya tanah tumbuh yang ada di samping itu yang luasnya lebih daripada 100 ekar yang dibiarkan sebegitu rupa patut diteruskan rancangan RPK sebagaimana yang telah dibuat sebelum ini.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang ingin saya sentuh di sini ialah wujud dalam masyarakat kita ini satu

kelompok atau suatu bilangan kecil di kalangan masyarakat Islam yang berkiblatkan kepada Iran cuba merosakkan ketenteraman yang sedia ada di negara ini. Golongan ini mentakrifkan Belanjawan yang ada, mentakrifkan pembangunan negara yang dilaksanakan oleh Kerajaan hari ini sebagai satu usaha yang semata-mata berfalsafahkan kepada konsep Barat yang kononnya asing daripada Islam. Oleh itu, saya kira pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri segera menghapuskan gejala-gejala buruk seperti ini kerana bagi saya, ancaman yang seperti ini boleh diambil kira sebagai satu masalah yang paling serius dan kalau kita biarkan secara berterusan ataupun kita memandang acuh tidak acuh sahaja perkembangan-perkembangan yang seumpama ini maka suatu bencana yang besar mungkin berlaku di negara kita yang kita kasihi ini.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh kita pada penggal ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Kepong.

5.45 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan di Dewan yang mulia ini bagi kali yang kedua.

Pada tahun yang lepas, saya telah membangkitkan beberapa perkara mengenai matlamat equiti dan ekonomi serta semangat ke Malaysian. Walaupun Kerajaan melaung-laungkan matlamat perpaduan, akan tetapi usaha untuk perpaduan dan semangat kenegaraan adalah kurang berkesan. Lembaga Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan semata-mata untuk menonjolkan pendiriannya, tanpa matlamat atau arah tertentu yang

ditujui. Ianya wujud hanya dalam nama sahaja, bagai melepaskan batuk di tangga. Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak serius akan peranan Lembaga ini, ianya patut dibubarkan. Semestinya ia akan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan yang terlalu tinggi itu. Jika usahanya adalah serius, ianya mesti dinampakkan bukan setakat mengeluarkan majalah dan menganjurkan jamuan-jamuan teh sahaja.

Di dalam Dewan yang mulia ini ada setengah Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan bangsa asing dan ada pula berucap dengan tingkah laku seperti kuman di seberang lautan nampak, gajah dipelupuk mata tak kelihatan. Lading tidak tahu akan majalnya. Jadi ini bukan orang-orang yang boleh memupukkan perpaduan sama ada di Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, pada tahun lalu, saya telah menyatakan akan tamatnya bulan madu Yang Amat Mulia Menteri Kewangan. Beliau tidak boleh lagi membahagikan pelbagai manisan seperti yang diberikan dalam Belanjawan 1982 untuk memancing undi semata-mata. Kerana tindakan yang tidak wajar ini timbullah masalah kurangan imbalan bayaran yang semakin buruk serta tidak pernah diperlihatkan di negara ini. Dalam tahun 1981 ia merupakan kurangan sebanyak \$4,663 juta, untuk tahun 1982, \$5576 juta, 1983 dianggarkan meningkat \$6,769 juta dan untuk tahun 1984 dianggarkan kepada \$7,298 juta. Kurangan yang begini teruk ini bukan hanya kerana kemerosotan ekonomi antarabangsa, tetapi juga disebabkan faktor-faktor lain seperti salah pengurusan sumber-sumber asli yang menyakitkan hati serta kekurangan accountability atau pertanggungjawapan awam. Walaupun usaha-usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk mengeluarkan lebih

banyak minyak mentah iaitu dari 303,200 tong sehari untuk tahun 1982 kepada 381,600 tong sehari bagi tahun 1983, pertambahan ini adalah melanggar dasar penyimpanan (conservation policy) yang patut menghadkannya kepada kurang daripada 250,000 tong sehari. Ia difikirkan perlu kerana menambahkan hasil Kerajaan Persekutuan yang terhilang akibat jatuhnya harga minyak dan harga barang-barang yang lain.

Dalam Belanjawan 1982 dengan anggaran sebanyak \$31,951 juta yang terlalu tinggi itu Yang Amat Mulia Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa ianya telah dikurangkan sebanyak \$3 billion. Ini menunjukkan bahawa anggaran untuk 1982 adalah terlalu optimistik dan ramalan saya bahawa khidmat bayar hutang dan imbalan bayaran akan bertambah buruk telah menjadi hakikat. Khidmat bayar hutang kita telah naik dari 2.7% bagi tahun 1981 kepada 4.4% bagi tahun 1982 dan dianggarkan meningkat 6.0% bagi tahun 1983.

Ekoran daripada usaha-usaha Yang Berhormat Mulia untuk memelihara kepentingan-kepentingan orang kaya dan kapitalis, dan kurang meringankan beban rakyat biasa, mereka masih berada dalam keadaan susah. Hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan melebihi \$18.1 ribu juta bagi tahun 1984, berbanding dengan \$16.434 ribu juta dalam tahun 1983 dan \$17.6 ribu juta bagi tahun 1982. Pertambahannya ini tidaklah memuaskan memandangkan keadaan ekonomi dunia yang hanya pulih sedikit. Kita tidak boleh terlalu optimis akan pemulihan ekonomi di Amerika Syarikat sekarang, sebanyak 2.5% dalam separuh tahun pertama tahun ini. Ini adalah kerana terdapat dua hakikat penting yang tidak boleh diabaikan.

Pertama pemulihan ini adalah disebabkan kebanyakannya oleh pertambahan perbelanjaan pengguna, manakala perbelanjaan modal pelaburan yang menjadi ini ekonominya telah turun, perbelanjaan modal pelaburan telah turun berbanding dengan perbelanjaan pengguna.

Kedua, kesan pemulihan yang walaupun kecil ini, akan mengambil masa 6 bulan hingga setahun untuk mempengaruhi kita. Malah kesannya ke atas negara-negara OECD pun adalah lambat apatah lagi bagi Malaysia.

Tidak ada siapapun yang dapat meramalkan pemulihan ekonomi yang tetap. Cara hidup ekonomi kita adalah masih merbahaya. Nampaknya, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan masih membuat ramalan yang melulu, walaupun tidak menafikan bahawa pemulihan keadaan ekonomi dunia masih menjadi persoalan sama ada akan berterusan atau hanya untuk sementara waktu sahaja. Ini adalah kerana kadar pengangguran dan kadar faedah bank di negara-negara tersebut masih lagi tinggi. Menurut beliau, keadaan yang tidak berketentuan ini masih wujud oleh kerana kepincangan dalam ekonomi antarabangsa tidak lagi dianggap sebagai berpunca dari keadaan perniagaan yang turun naik dan bersifat sementara (cyclical), tetapi lebih merupakan masalah struktur ekonomi mereka bersifat jangka panjang. Kesulitan ekonomi negara kita adalah berdasarkan kepada dua masalah yang utama—

Pertama, ia berpunca dari keadaan perniagaan yang turun naik (cyclical); kedua, kita mempunyai masalah struktur ekonomi. Memandangkan ekonomi Malaysia merupakan salah satu ekonomi dunia yang paling bergantung kepada perniagaan. Pada tahun 1980, eksport kita terdiri daripada 60% KDNK negara, berbanding dengan nisbah-nisbah 37%

bagi Korea Selatan, 31% bagi Indonesia, 28% bagi United Kingdom, 25% bagi Thailand, 14% bagi Jepun dan 10% bagi Amerika syarikat, ekonomi kita adalah senang dipengaruhi oleh ekonomi antarabangsa. Harga barangan yang rendah dan keadaan pasaran yang lembab telah menyebabkan sumber pendapatan dan simpanan negara kurang daripada paras pelaburan yang dibuat. Imbangan bayaran kita adalah dijejaskan dan menyebabkan keadaan cyclical ini. Krisis cyclical ini telah bertambah buruk kerana penyalah urusan sumber-sumber asli yang berleluasa, kekurangan akauntabiliti serta keterlaluan-keterlaluan yang lain, sehingga munculnya krisis struktur ekonomi negara kita.

Menurut strategi Belanjawan 1984, ia adalah bertujuan untuk membaiki dan mengukuhkan lagi imbangan pembayaran negara; dan memperkemaskan dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan, supaya perbelanjaan mengurus dan lebih-lebih lagi perbelanjaan pembangunan disesuaikan dengan sumber-sumber yang ada.

Tuan Yang Dipertua, kedua-dua strategi ini tidak mencukupi. Saya mencadangkan bahawa dua strategi lagi dilaksanakan iaitu:

- (1) akauntabiliti atau pertanggungjawapan awam bukan setakat melaung-laungkan bahkan juga diperlihatkan;
- (2) kriteria penilaian pembangunan hendaklah berdasarkan kepada apakah yang telah benar-benar tercapai bukan setakat berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan, yang sedang berlaku sekarang.

Tuan Yang Dipertua, walaupun kami membangkitkan hal akauntabiliti di Dewan yang mulia ini, dan Ketua Audit Negara telah menyarankan hal

ini beberapa tahun kebelakangan ini, kekurangan akauntabiliti di dalam urusan perbelanjaan Kerajaan masih nyata sekali. Seperti yang kita semua maklum pada tempoh hari, yang paling ketara ialah skandal BMF di Hong Kong, walaupun ada setengah orang yang tidak mahu membangkitkan hal ini tetapi sebahagian besar di Dewan ini termasuk Ahli-ahli Barisan Nasional adalah menyebutkan mengenai hal ini dan ada juga yang mencadangkan bersetuju dengan kita untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Minta jalan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberitahu kepada umum iaitu Kerajaan akan menimbang untuk menyediakan satu Kertas Putih mengenai BMF, jadi perkara ini saya ingat bukan mengikut tauladan daripada DAP.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, walau sedemikian kita tidak tahu lagi sama ada Yang Amat Berhormat akan menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja ataupun mengemukakan Kertas Putih di Dewan yang mulia ini, kitalah yang mulamulanya yang membangkitkan di sini tentang kedua-dua hal.

Tuan Yang Dipertua, di dalam satu persidangan akhbar mengenai isu BMF baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan 4 atau 5 orang pegawai tinggi Bank Bumiputera akan disuruh meletakkan jawatan kerana melakukan jenayah yang jijik. Ini menunjukkan Yang Amat Berhormat mengakui satu peristiwa yang bercorak jenayah yang jijik. Beliau menamakan Tan Sri Kamarul Ariffin yang telah

mengadakan satu persidangan akhbar untuk menjelaskan kedudukannya. Pada 21hb Oktober, 1983 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertemu dengan Tan Sri Kamarul untuk membincangkan isu ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa beliau berasa yakin yang Tan Sri Kamarul adalah bertanggungjawab atas pinjaman-pinjaman yang dibuat selain daripada pegawai-pegawai tinggi yang lain.

DAP mengalu-alukan syor Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyiasat skandal BMF serta menimbang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat, untuk mengeluarkan satu Kertas Putih mengenai perkara tersebut kerana mula-mula saya menekankan di sini, dicadangkan oleh pihak DAP dan disokong oleh rakyat. Oleh kerana wang rakyatlah yang terlibat, rakyat haruslah diberitahu akan kebenarannya dan langkah-langkah yang patut diambil untuk memperbetulkan kesalahan-kesalahan yang berlaku sama ada perkara ini boleh dibangkitkan di mahkamah, terserahlah kepada hasil siasatan atau Kertas Putih yang akan dikemukakan. Saya harap hal Suruhanjaya Diraja ini bukan setakat dilaung-laungkan sahaja, bahkan juga diperlihatkan.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya didapati kira-kira \$3 billion hilang lenyap melalui BMF di Hong Kong, kita boleh menggunakan wang ini untuk menampung perbelanjaan belanjawan tahun lepas, seperti saya bangkitkan tadi pengurangan bagi perbelanjaan bagi belanjawan tahun lepas ialah \$3 billion, kalau wang ini tidak dibazirkan di Hong Kong untuk warganegara-warganegara lain, maka ia boleh digunakan untuk perbelanjaan tahun lepas tanpa pengurangan. Yang anih adalah bahawa kesemua pihak Kerajaan telah membisu mengenai perkara ini, masing-masing menjadi pak turut sahaja. Setelah Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri mulai mengkuai betapa seriusnya isu ini serta saiz jumlah wang yang terlibat, barulah golongan-golongan ini memperoleh suara yang nyaring untuk menyuarakan pendapat masing-masing serta mengutuk mereka yang terlibat, walaupun lewat, tetapi baik juga.

Tuan Yang Dipertua, suntikan kira-kira \$1.5 billion wang rakyat terpaksa dibuat untuk menentukan bahawa Bank Bumiputera mampu membayar hutangnya iaitu Bank Bumiputera solvent, solvency untuk menentukan solvencynya lebih banyak wang terpaksa disuntik, tanda-tanda adalah menunjukkan bahawa kita tidak berupaya memperoleh balik. Ini akan menjejaskan lagiimbangan pembayaran negara yang sekarang ini ada kurang \$6.769 billion tambah pula Bank Bumiputera merupakan suatu bank yang terutama, yang mempunyai cabang-cabang kewangan yang kompleks. Sekiranya Bank Bumiputera tidak mampu membayar hutang, implikasinya ke atas kedudukan kewangan Malaysia adalah buruk. Oleh itu DAP mendesak supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan dengan serta-merta.

Tuan Yang Dipertua, suka saya bangkitkan satu perkara mengenai penggantungan KDN sebuah majalah Nadi Insan, kerana penggantungan KDN Nadi Insan ini menjejaskan imej kita mengenai kebebasan akhbar, kerana kita bergantung pada perdagangan dengan luar negeri, kita patutlah menonjolkan imej yang liberal dan terbuka seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Sejurus setelah BERNAMA diumumkan menjadi pengedar tunggal berita-berita asing, KDN Nadi Insan telah digantung selama 3 bulan mulai 1hb Oktober, 1983 dengan berlatarbelakang pemindaan dengan

Akta Rahsia Rasmi minggu lepas dan kewujudan pelbagai rintangan perundangan seperti Peraturan-peraturan Perlu Kes-kes Keselamatan (Pindaan) 1975 dan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981, tindakan Kerajaan ke atas Nadi Insan ini adalah menakutkan. Ini telah mencemarkan imej Kerajaan 2M untuk membina sebuah negara yang terbuka dan liberal. Ia juga bertentangan dengan apa yang pernah diutara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau tidak mempercayai sebarang akhbar atau majalah diharamkan. Sekiranya sesuatu akhbar atau majalah menyusur dari apa yang dianggap sesuai, tindakan mahkamah akan diambil. Jadi inilah apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mengapakah tindakan mahkamah tidak diambil ke atas *Nadi Insan*? Ia merupakan lidah analisa Institut Analisa Sosial yang diterbitkan oleh segolongan ahli-ahli akademik, terutamanya dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia adalah majalah bulanan dwi bahasa yang menyentuh masalah-masalah kemiskinan, khasnya petani-petani dan masalah-masalah luar bandar yang pernah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat dari Batu Pahat. Dengan demikian, ia telah menyinggung hati Kerajaan beberapa kali, sepertimana yang terjadi apabila ia menerbitkan rencana mengenai suatu wawancara dengan pemimpin PULO, Tengku Wira, dalam keluaran Julai 1983nya. Keluaran ini yang kononnya menyebabkan penggantungan KDN itu juga mengandungi suatu pendedahan kes Selancar Empat yang telah mengkagumkan semua masyarakat Malaysia. Majalah itu sering memberi kupasan mengenai 'Belajar dari Jepun', di mana dasar Pandang ke Timur telah diulas dengan kritis. Saya telah diberitahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri telah menunjukkan sikap yang tertentu terhadap kupasan-kupasan seumpama itu.

Pada 25hb Januari, 1983 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi amaran keras kepada *Nadi Insan* supaya tidak menerbit perkara-perkara yang di luar daripada skop majalah ini diluluskan, iaitu terhadap kepada "ilmiah menganalisa serta menggalak perbincangan terhadap segala aspek masyarakat dan mendorong perkembangan dalam pemikiran dan perasaan kebangsaan yang progresif lagi saintifik". Pada hakikatnya, amaran ke atas *Nadi Insan* keluaran (44) Disember, 1982 adalah mengenai perjuangan rakyat Brunei mendapatkan kemerdekaan dan pemberontakan rakyat Brunei pada Disember, 1962, kedua-duanya merupakan fakta sejarah yang tidak boleh dinafikan.

Sebab yang diberikan kerana penggantungan *Nadi Insan* adalah bahawa isi kandungan tiga keluaran *Nadi Insan*, iaitu Disember 1982, Februari 1983 dan Julai 1983 boleh menjejaskan hubungan diplomasi di antara negara ini dengan negara-negara lain, terutamanya negara-negara jiran yang berdekatan. *Nadi Insan* mengeluarkan pelbagai rencana mengenai keadilan sosial supaya membuka mata rakyat terhadap masalah-masalah petani-petani, pekerja-pekerja dan nelayan-nelayan. Pengharaman dan penggantungan majalah itu tidak akan menyelesaikan masalah ketidakadilan sosial. Maka, tindakan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke atas *Nadi Insan* adalah tidak wajar. Yang menjadi persoalan adalah, adakah logik menggantung majalah tersebut semata-mata untuk menyenangkan hati negara asing yang mempunyai rekod-rekod hak asasi manusia yang buruk.

Tuan Yang Dipertua, kebebasan akhbar di negara ini adalah terhadap kepada suatu jalan yang sempit, walaupun Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan akhbar sebagai salah satu kebebasan asasi. Pihak penerbit dan pengarang majalah serta akhbar senantiasanya diberi amaran sehingga mereka terpaksa pandai-pandai mengambil hati Kerajaan supaya tiap-tiap tahun, KDN dan lesen penerbitan dapat diperbaharui. Perbuatan ini telah menjejaskan industri percetakan di negara ini dengan kekurangan buku-buku dan majalah. Pada bulan lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menarik perhatian kepada betapa kecilnya bilangan orang ramai yang membaca buku-buku, akhbar-akhbar, majalah-majalah dan sebagainya. Dengan tindakan-tindakan yang menyekat kebebasan akhbar sepertimana yang berlaku ke atas *Nadi Insan*, kekurangan bahan-bahan terbitan serta kekurangan tabiat membaca bolehlah difahami dan akan berterusan.

Saya menyeru kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menarik balik penggantungan ke atas majalah *Nadi Insan* ini sekiranya dasar liberal dan terbukanya benar-benar bermakna.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya katakan unsur cyclical ekonomi kita telah menyebabkan perubahan struktur ekonomi dengan penyalahurusan sumber-sumber asli yang keterlaluan seperti kekhayalan di dalam kemakmuran ringgit-ringgit petro, penggunaan minyak petroleum mentah dunia dalam tempoh 6 bulan pertama 1983 yang dianggarkan berjumlah 43.9 juta tong sehari merupakan kemerosotan sebanyak 3.7% berbanding dengan 45.6 tong sehari dalam tempoh yang sama tahun lepas. Bagi keseluruhan 1983, permintaan dunia bagi minyak petroleum mentah dianggarkan jatuh

3.1% kepada 44 juta tong sehari, dari 45.4 juta tong sehari dalam tahun 1982. Kerana permintaan yang lembab, harga minyak petroleum mentah dunia telah jatuh.

Selaras dengan itu, harga minyak mentah Malaysia telah dikaji semula dan diturunkan sebanyak di antara 15.3% hingga 16.7% setong pada 17hb Mac, 1983 dikira mulai 1hb Februari, 1983. Harga pasaran purata bulanan bagi minyak mentah Malaysia dalam tempoh lapan bulan pertama 1983 menunjukkan kemerosotan sebanyak 14.6%. Royalti dan cukai minyak petroleum mentah telah jatuh dari \$2.07 billion kepada \$1,987 billion di antara tahun 1982 dan 1983. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak telah meningkat yang bercanggah dengan dasar penyimpanan negara. Ini merupakan suatu dasar yang merbahaya kerana sekiranya ekonomi antarabangsa merosot lagi dan harganya terus jatuh, keadaan ekonomi negara kita akan lebih buruk lagi. Pendapatan daripada minyak petroleum ini telah jatuh walaupun pengeluaran telah meningkat, akan tetapi Kerajaan masih menambahkan pengeluarannya. Pada hakikatnya, ekonomi negara kita terlalu bergantung kepada minyak mentah petroleum. Perbuatan bahaya ini mesti difahamkan kerana jika ini berterusan, simpanan minyak kita tidak akan kekal selama 10 tahun akan datang, walaupun projek CARIGALI dijalankan.

Tuan Yang Dipertua, kita memerlukan suatu dasar penyimpanan minyak mentah petroleum dan dasar ini bukan setakat dilaung-laungkan bahkan juga diperlihatkan.

Tuan Yang Dipertua, mula-mula sekali, saya ingin menegaskan bahawa peruntukan bagi Belanjawan 1984 adalah \$27,692 juta yang terdiri daripada \$19,016 juta (69%) bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$8,676 juta (31%) bagi Perbelanjaan

Pembangunan Peruntukan perbelanjaan mengurus dalam Belanjawan 1984 adalah bertambah kira-kira \$1,937 juta (11.3%) daripada tahun 1983. Tambahan ini adalah termasuk keperluan menampung kenaikan sebanyak 22% dalam perbelanjaan bayaran terhadap bayaran hutang Kerajaan Persekutuan. Kita diberitahu bahawa jika perbelanjaan terhadap bayaran hutang Kerajaan ini tidak bertambah, perbelanjaan mengurus akan hanya bertambah sebanyak 6.2% sahaja. Inilah sebabnya mengapa masalah hutang negara ini adalah amat penting.

Saya tidak setuju dengan hujah-hujah Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengenai hutang negara. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pernah puji-memuji bahawa Malaysia boleh mendapatkan pinjaman daripada pasaran dengan faedah yang paling rendah. Kini beliau tidak lagi mampu menyatakan demikian kerana sekarang kita adalah membuat pinjaman pasaran luaran (external market loans) dengan kadar faedah yang amat tinggi, mungkin lebih daripada 10% dan pengawasan yang semakin kurang ke atas penggunaannya. Dalam tahun 1982, pinjaman-pinjaman ini telah merupakan 72% daripada jumlah hutang luar negeri sebanyak \$12,542 bilion. Daripada peratusan ini, 64% atau \$8.02 billion adalah diperolehi dari Amerika syarikat. Ini menerangkan mengapa baru-baru ini Malaysia cuba berdamping dengan Amerika Syarikat. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengetuai satu rombongan untuk menyertai Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu dan masa beliau tiba di Amerika Syarikat ada bertemu dengan pelbagai syarikat-syarikat Amerika Syarikat untuk mendampingi kerana kita hutang 64% pinjaman-pinjaman pasaran luaran pada syarikat-syarikat ataupun pasaran pinjaman daripada Amerika Syarikat.

Perkembangan hutang luar negara semenjak 1975 telah menunjukkan suatu trend yang merbahaya. Dari tahun 1975 hingga tahun 1979, ia telah bertambah dari \$3.4 billion hingga \$4.5 billion. Dalam tahun 1980 ia merupakan \$4.8 billion, 1981 \$7.8 billion, 1982, \$12.542 billion; dan 1983 dianggarkan meningkat kepada \$17.779 billion. Kebanyakan daripadanya adalah terdiri daripada pinjaman-pinjaman pasaran luaran. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sekarang adalah dianggarkan \$50 billion bagi tahun 1983. Bagi tahun hadapan ia dianggarkan sebanyak sekurang-kurangnya \$56 billion.

Suatu kajian oleh Institut Ekonomi Antarabangsa di Washington telah menunjukkan bahawa hutang-hutang Malaysia kepada negara-negara berindustri telah berjumlah \$12.1 billion, bertaraf nombor 19 di dalam sebuah senarai yang dipelopori oleh Mexico, Korea Selatan (tempat ke 5), Filipina (tempat ke 8) dan Indonesia (tempat ke 13). Suatu lagi hakikat yang mesti kita sedari adalah bahawa jika kita meminjam selama 3 atau 4 tahun, kita terpaksa membayar bukan sahaja faedah, tetapi juga bayaran ansuran modal dan pembayaran balik perkhidmatan. Memang Yang Berhormat dari Batu Pahat boleh mengesahkan hal ini. Memandangkan beban sedemikian yang begitu besar, persoalan paling penting adalah, apakah yang berlaku kepada jumlah wang ini dan bagaimanakah ianya digunakan.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha:
Peraturan Mesyuarat 35 (6), seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya

tetapi boleh membaca cabutan-cabutan. Yang Berhormat dari Kepong membaca ucapan, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Saya telah benarkan tiap-tiap Ahli Yang Berhormat membaca. Sila sambung.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, jikalau saya tidak menggunakan nota-nota yang extensive ini maka akan melankan masa 3 jam. Kerana saya hendak memendekkan masa yang saya akan gunakan, saya membaca. Mungkin Yang Berhormat dari Batu Pahat itu lain kali saya tidak mahu melihat beliau membaca.

Tuan Yang Dipertua, secara bertentangan dengan pinjaman-pinjaman yang kita adakan terutama pinjaman daripada luar, kita menghadapi saluran pendapatan pelaburan keluar daripada negara. Ini satu perkara yang penting. Tahun 1981, \$1.843 billion wang pelaburan dikeluarkan daripada negara ini. Tahun 1982, \$2,3328 billion; tahun 1983, \$3,570 billion; dan anggaran bagi 1984 adalah \$4.460 billion yang merupakan pertambahan 53% dari 1982 hingga 1983. Pembayaran faedah juga telah melambung naik dari \$625 juta bagi tahun 1981 kepada \$911 juta bagi tahun 1982 dan.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.